



**KONGRES
TAHUNAN
FAM^{KALI KE} 60 2024**



KONGRES
TAHUNAN
FAM KALI KE 60 2024

LAPORAN TAHUNAN AKTIVITI
PERSATUAN BOLASEPAK MALAYSIA
2023



Isi Kandungan

Prakata Presiden	3
Notis Kongres Tahunan kali ke -60	4
Agenda Kongres Tahunan kali ke-60	5
Minit Kongres Tahunan kali ke-59	6
Laporan Aktiviti Tahunan FAM 2023	
1. Sepintas lalu	15
2. Presiden	16
3. Ahli-ahli	26
4. Jawatankuasa Eksekutif	27
5. Jawatankuasa tetap dan Badan Kehakiman	28
6. Diari Tahunan FAM 2023	40
7. Pengurusan dan Pentadbiran	52
8. Peta Hala Tuju (F:30)	56
9. Pembangunan Ahli	58
10. FIFA Forward Programme	59
11. AFC Financial Assistance Programme (AFAP)	59
12. Pasukan Kebangsaan	60
13. Pertandingan Bola Sepak	86
14. Pertandingan Futsal	97
15. Bola Sepak Wanita	100
16. Kependadilan	107
17. Integriti	110
18. Keselamatan	110
19. Perubatan Sukan	111
20. Hal Perundangan dan Kehakiman	113
21. Pengurusan Media dan Komunikasi	115
22. Pengurusan Teknologi Maklumat dan Multimedia	117
23. Pemasaran	118
24. Pembangunan Teknikal	127
25. Jasamu Dikenang	146
Akhir Kata	148
Laporan Kewangan FAM 2023	149

Prakata Presiden

Assalamualaikum W.B.T. dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk mengajak semua berselawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W dan pada masa yang sama saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua wakil Ahli Gabungan Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) yang hadir bagi menjalankan tanggungjawab serta seluruh pihak yang terlibat dalam menjayakan Kongres Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) kali ke-60.

Seterusnya, saya ingin menzahirkan perasaan bangga dan ribuan terima kasih kepada pemegang taruh FAM yang lain seperti Malaysian Football League (MFL), Amateur Football League (AFL), barisan penaja FAM, organisasi kerajaan dan bukan kerajaan serta tidak dilupakan juga suara penyokong-penyokong yang banyak membantu dan menyokong FAM dalam membangunkan bola sepak di Malaysia.

Tahun 2023 merupakan tahun yang amat produktif bagi FAM. Bermula dengan Pasukan Kebangsaan yang berjaya melonjakkan 'ranking' FIFA dari kedudukan ke 138 pada April tahun 2023 ke kedudukan 130 pada Disember 2023. Pada kejohanan AFC Piala Asia 2023 di Doha, Qatar, walaupun Pasukan Kebangsaan gagal ke pusingan 16 tetapi Pasukan Kebangsaan berjaya menunjukkan prestasi serta semangat juang yang tinggi sehingga dapat mengekang pasukan di 'ranking' 23 dunia iaitu Republik Korea menerusi keputusan seri 3-3.

Dalam kelayakan FIFA Piala Dunia 2026 dan AFC Piala Asia 2027 pula, Pasukan Kebangsaan berada di kedudukan yang baik untuk layak ke peringkat seterusnya secara merit ke AFC Piala Asia 2027 di Arab Saudi dan pusingan berikutnya ke Kelayakan FIFA Piala Dunia 2026. Selain itu, Pasukan B-23 Kebangsaan juga menunjukkan prestasi yang baik dengan melayakkan diri ke AFC Piala Asia B-23 2024 yang akan berlangsung di Qatar pada bulan April 2024. Marilah kita bersama-sama berdoa agar Pasukan Kebangsaan dapat memberikan prestasi yang cemerlang bagi perlawanan-perlawanan yang bakal berlangsung pada tahun 2024.

Bagi menghadapi Pelan Hala Tuju F:30 Fasa 2, FAM bukan hanya memberi tumpuan kepada peningkatan Pasukan Bolasepak Kebangsaan, Wanita, Futsal dan Bolasepak Pantai, malah FAM juga memberi fokus untuk melahirkan jurulatih, pengadil, pendidik di peringkat remaja, belia dan akar umbi. Namun, tugas ini perlu juga didokong oleh setiap Ahli Gabungan FAM bersama dengan badan induk ini untuk mencapai objektif serta visi F:30 yang digariskan.

Sudah pasti saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada setiap Ahli Kongres FAM yang sentiasa menyokong, prihatin dan memberikan kata-kata semangat kepada setiap usaha FAM untuk memartabatkan bola sepak di Malaysia ini. Saya berharap Kongres FAM ini sentiasa akan menjadi sebuah platform dalam meluaskan pemikiran serta cetusan idea-idea Ahli Gabungan untuk terus mengangkat martabat bola sepak kebangsaan.

Tidak dilupakan juga kepada Ahli Jawatankuasa Eksekutif FAM dan Sekretariat FAM yang memerah tenaga dan buah fikiran bagi menggerakkan setiap komponen jawatankuasa FAM dalam memastikan FAM sentiasa berfungsi dengan lancar dan berwibawa.

Dalam bulan Ramadhan Al-Mubarak yang mulia ini, marilah kita bersama mengerjakan ibadah berpuasa dengan sempurna, serta meningkatkan amal ibadah dan ketakwaan kepada Allah S.W.T. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon ampun dan maaf jika terdapat sebarang salah dan silap sepanjang menjalankan tugas sebagai Presiden FAM.

Akhir kata, saya mengucapkan selamat bersidang kepada semua pemimpin-



pemimpin bola sepak tempatan dan semoga setiap perkara yang dibincangkan akan memberikan kesan yang positif dan anjakan paradigma kepada pembangunan bola sepak Malaysia.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

DATUK HAJI HAMIDIN HAJI MOHD AMIN
PRESIDEN FAM



Notis Kongres Tahunan Kali ke-60

Ruj: FAM/Kongres-60/DNAR.127

13hb Februari 2024

Setiausaha Agung/Kehormat
Persatuan Bolasepak Negeri-negeri
Persatuan Bolasepak Angkatan Tentera Malaysia
Persatuan Bolasepak Polis Diraja Malaysia
Persatuan Bolasepak Melayu Malaysia
Persatuan Bolasepak Cina Malaysia
Majlis Sukan India Malaysia
Persatuan Jurulatih Bolasepak Malaysia

Salam Sejahtera

Dato'/ Tuan / Puan,

NOTIS KONGRES TAHUNAN FAM KALI KE-60

Adalah dengan ini, selaras dengan keputusan Jawatankuasa Eksekutif FAM yang bersidang buat kali ke-10 pada hari Selasa, 13hb Februari 2024 dan seperti yang diperuntukkan di dalam Statut FAM, Artikel 32 (2), Kongres Tahunan FAM kali ke-60 akan diadakan seperti butiran berikut:

Tarikh : **1hb. April 2024 (Hari Isnin)**
Masa : **5:00 petang**
Tempat : **Dewan Selangor 1, 2 & 3, Hotel Grand Dorsett Subang Jaya**

Selaras dengan Statut FAM, Artikel 33 (1), sebarang bentuk cadangan atau usul yang ingin di kemukakan oleh Ahli FAM bagi tujuan pembentangan semasa Mesyuarat Kongres Tahunan FAM Kali ke-60 hendaklah dihantar kepada Sekretariat Agung secara bertulis dengan melampirkan penjelasan ringkas **selewat-lewatnya pada jam 5.00 petang, Jumaat, 1 Mac 2024.**

Merujuk kepada Artikel 27 (1), Statut FAM, **dua (2) perwakilan** dari setiap Ahli FAM dijemput hadir ke Mesyuarat Kongres Tahunan FAM Kali ke-60 ini. Bagi Artikel 27 (3) setiap Ahli akan mempunyai satu (1) undi dan berhak diwakili oleh maksimum dua (2) perwakilan untuk menyertai Kongres. Satu (1) daripada dua (2) perwakilan hendaklah menggunakan hak untuk mengundi bagi pihak Ahli. Mengundi melalui proksi atau melalui surat tidak dibenarkan. Setiap perwakilan hendaklah menggunakan **Borang Pendaftaran Perwakilan** seperti yang dilampirkan dan dikembalikan kepada Sekretariat Agung FAM **selewat-lewatnya pada jam 5:00 petang, Jumaat, 15hb Mac 2024.**

Sekian, terima kasih.

Yang benar,
PERSATUAN BOLASEPAK MALAYSIA

DATUK NOOR AZMAN BIN HJ RAHMAN
Setiausaha Agung

Pakaian : Blazer FAM untuk Ahli Jawatankuasa Eksekutif
Blazer/Uniform Rasmi Ahli bagi wakil Ahli FAM

Salinan Jemputan Edaran Luar untuk Makluman dan Tindakan

Pegawai Khas kepada YBhg. Datuk Hj Hamidin Bin Hj Mohd Amin, Presiden FAM

Ahli-Ahli Jawatankuasa Eksekutif

BIL	BUTIRAN AGENDA
1	Mengisytiharkan Kongres Tahunan FAM kali ke-60 bagi Penggal 2021-2025 sudah dimula dan dibentukkan menurut Statut FAM
2	Meluluskan Agenda Kongres Tahunan FAM kali ke-60
3	Ucapan oleh YBhg. Datuk Presiden
4	Melantik Ahli-Ahli untuk memeriksa Minit Kongres Tahunan FAM kali ke-60
5	Meluluskan Minit Kongres Tahunan FAM kali ke-59 bagi Penggal 2021-2025
6	Melaporkan Aktiviti Tahunan FAM bagi tahun 2023
7	Membentang dan Meluluskan Penyata Kewangan yang telah diauditkan oleh Juruaudit FAM bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2023
8	Membentangkan cadangan yang dikemukakan oleh Ahli dan Jawatankuasa Eksekutif FAM
9	Penangguhan Kongres Tahunan FAM kali ke-60



Minit Kongres Tahunan FAM Kali Ke-59

Ruj : FAM/Kongres Ke-59/2023/NAR/ff

MINIT KONGRES FAM KALI KE-59 YANG TELAH DIADAKAN PADA HARI SABTU, 1HB JULAI 2023, JAM 10.00 PAGI BERTEMPAT DI KRISTAL BALLROOM, PJ HILTON HOTEL, PETALING JAYA, SELANGOR

Kehadiran Ahli Jawatankuasa Eksekutif FAM

1.	YBhg. Datuk Haji Hamidin bin Haji Mohd Amin	Presiden
2.	YBhg. Datuk Wira Mohd Yusoff bin Mahadi	Timbalan Presiden
3.	YH Dato' Sivasundaram A/L Sithamparam Pillai	Timbalan Presiden
4.	YBhg. Datuk Seri Haji Rosmadi bin Ismail	Naib Presiden
5.	Encik Mohd Joehari bin Mohd Ayub	Naib Presiden
6.	Encik Mohd Firdaus bin Mohamed	Naib Presiden
7.	YBhg. Dato' Posa Bin Haji Majais	Naib Presiden
8.	YBhg. Dato' Jefferey Low Han Chau	Ahli
9.	Encik Saaran A/L Nadarajah	Ahli
10.	YB Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya	Ahli
11.	Encik Christopher Raj Aralanthu	Ahli
12.	YBhg. Dato' Sri Shahril Bin Mokhtar	Ahli
13.	Tuan ACP (B) Md Dali bin Wahid	Ahli
14.	YBhg. Dato' Adly Shah Bin Ahmad Tah	Ahli
15.	Encik Syed Yazid Bin Syed Omar	Ahli
16.	YB Dato' Suraya binti Yaacob	Ahli
17.	Dr. Siti Faidul Maisarah Binti Abdullah	Ahli
18.	Encik Noor Azman Bin Hj Rahman	Setiausaha Agung
19.	YB Dato' Hj Ismail bin Karim	Bendahari

Kehadiran Perwakilan

1.	Encik Ku Hasnol Farid Bin Ku Abd Rahman	PB Perlis
2.	Encik Naimulddin Bin Haron	PB Perlis
3.	Encik Beh Ying Shen	PB Kedah
4.	Encik Muhammad Farid Bin Ahmad	PB Kedah
5.	Encik Mohd Azizudin Bin Mohd Shariff	PB Pulau Pinang
6.	Encik Katherisan A/L Letchumanam	PB Pulau Pinang
7.	Encik Muhammad Izrin Nabil Bin Ismail	PB Selangor
8.	YBhg. Datuk P.S. Sugumaran	PB Selangor
9.	Encik Nokman Bin Mustaffa	PB Kuala Lumpur
10.	YH Dato' Mohd Zulfikar Bin Ahmad	PB Kuala Lumpur
11.	Encik Abd. Malek Bin Hassan	PB Negeri Sembilan
12.	Tuan Hj. Hamdan Bin Othman	PB Negeri Sembilan
13.	YBhg. Datuk Khairi Anuar Bin Ahmad	PB Melaka
14.	Encik Jalil Bin Dolah	PB Melaka
15.	Encik Nizam Bin Ahmad	PB Johor

16. Encik Shahrizal Bin Sarip	PB Johor
17. YH Dato' Khairul Anuar Bin Abd Rahman	PB Pahang
18. YBhg. Datuk Marzuki Bin Sulong	PB Terengganu
19. Encik Mohd Syahrizan Bin Mohd Zain	PB Terengganu
20. Encik Nichol Agoi	PB Sarawak
21. Encik Khairuddin Qalam Bin Daud	PB Sarawak
22. YBhg. Datuk Haji Awang Kadin Tang	PB Sabah
23. Encik Shamsuddin Bin Mohd Shah	PB Sabah
24. YDH Lt. Kol. Zakhir Asni Bin Zabidi	PB ATM
25. YDH Mej. Sukri Bin Ibrahim	PB ATM
26. YDH Asp Mohd Asma Ramdan Bin Mahmud	PB PDRM
27. YDH Supt Hammizamri Bin Abdullah	PB PDRM
28. Encik Mohd Nizam Bin Hashim	PB Melayu Malaysia
29. Encik Mohd Zamri Bin Mazleh	PB Melayu Malaysia
30. YBhg. Datuk Wilson Lau Hoi Keong	PB Cina Malaysia
31. Encik Tang Chee Hong	PB Cina Malaysia
32. YBhg. Dato' Subramaniam Ratnavelu	Majlis Sukan India Malaysia
33. Encik K. Santhana Raju	Majlis Sukan India Malaysia
34. Encik Balachandran A/L Sithamparam	Persatuan Jurulatih Bolasepak Malaysia
35. Encik Mohd Asri Bin Ninggal	Persatuan Jurulatih Bolasepak Malaysia

Tidak Hadir

1. Persatuan Bolasepak Perak	Digantung Oleh Pesuruhjaya Sukan
2. Persatuan Bolasepak Kelantan	Tidak Membayar Yuran Keahlian
3. Persatuan Bolasepak Pahang	Hanya seorang wakil yang hadir

Turut Hadir (Badan Kehakiman & Jawatankuasa Tetap)

1. YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Aseh bin Che Mat	Pengerusi JK Integriti
2. YDH CP Dato' Sri Hazani bin Ghazali	Pengerusi JK Keselamatan
3. YBhg. Datuk Dr. Baljit Singh A/L Balwant Singh	Pengerusi JK Tatatertib
4. YBhg. Dato' Sri Mohd Mokhtar bin Haji Mohd Shariff	Pengerusi JK Rayuan

Kehadiran Pemerhati

1. YBhg. Datuk Ab Ghani Bin Hassan	Presiden MFL
2. YBhg. Datuk Kamarul Ariffin Bin Mohd Shahar	Ahli Lembaga Pengarah, MFL
3. YBhg. Dato' Mohd Nazifuddin Bin Dato' Seri Najib	Setiausaha Agung MOM
4. Puan Siti Zuraina Binti Abdullah	JR Manager of Asean Unit MA Division, AFC
5. Ms Nhodkeo Phawadee	Head Of Asean Unit, MA Division, AFC
6. Encik Akmal Ahmad Zainudin	Ketua Cawangan Atlet (MSN)
7. Encik Safee Sali	Presiden PFAM
8. Encik Izham Bin Ismail	Ketua Pegawai Eksekutif, PFAM



9. Encik Samsul Hisyam Bin Abd Manap	Penolong Pengarah Bahagian Sukan (KPM)
10. Cik Ng Chew Pei	PKF PLT Partner
11. Cik Puvaneswary Naidu a/p Nyahnan	PKF PLT Manager
12. Encik Fong Wan Hor	Pengurus Besar (MOM)
13. Encik Mohd Raimi Fakri Bin Mohd Fuad	Ketua Pegawai Eksekutif AFL
14. Encik Syed Zaharum Amidi Bin Syed Mohammed	Timbalan Naib Presiden, Pemasaran Perniagaan, Bank Islam
15. Encik Roslan Bin Ismail	Head Airlines Global Sales, (MAS)
16. Encik Azizan Bin Ahmad	Senior Manager, Advertising & Promotions, Airlines Business (MAS)
17. Cik Haidatul Akmar Binti Mohd. Kassim	Manager, Partnership & Activation, Airlines Business (MAS)
18. Encik Muhammad Fauzy	Sponsorship Manager
19. Encik Dhinnesh Kumaran	Consultant (F&N)
20. Encik Khairul Asyraf Bin Ahmad	Head of Merchandising (Al-Ikhsan Sports)
21. YH Dato' Haji Shamsuddin Amran	Group Head of After-Sales (KIA)
22. Encik Mohamad Farhan Mohd Fawzi	Ketua Pegawai Eksekutif (Little Joe Malaysia)
23. Encik Shamus Siau	Penolong Pengurus Besar (Marco Caterpillar)
24. Encik Raymond Ng Boon Yong	Pengarah Pemasaran (JOMA)

Pembaca Doa

1. Al-Fadhil Ustaz Mohd Zuwairi Bin Mohd Yusof

BACAAN DOA SEBAGAI PEMBUKA MAJLIS SIDANG MESYUARAT KONGRES FAM KALI KE-59

Majlis dimulakan dengan bacaan doa oleh Al-Fadhil Ustaz Mohd Zuwairi Bin Mohd Yusof bagi memohon keberkatan Allah S.W.T untuk kejayaan FAM dan Ahli-Ahli FAM di dalam pentadbiran bola sepak Malaysia.

AGENDA 1

MENGISYTIHARKAN KONGRES TAHUNAN FAM KALI KE-59 BAGI PENGGAL 2021-2025 SUDAH DIMULA DAN DIBENTUKKAN MENURUT STATUT FAM

YBhg. Datuk Haji Hamidin bin Haji Mohd Amin, Presiden FAM merangkap pengerusi majlis mengisytiharkan bahawa Kongres Tahunan FAM Kali Ke-59 dimulakan dan dibentuk mengikut Artikel 22 perkara 3, Statut FAM. YBhg. Datuk Presiden memaklumkan bahawa semua peruntukan yang termaktub mengikut Statut FAM berhubung dengan tindakan yang perlu diambil oleh Sekretariat Agung FAM dan Ahli-Ahlinya telah dipatuhi iaitu:

Notis Kongres Tahunan FAM kali ke-59 telah diedarkan pada hari Rabu, 10hb Mei 2022 iaitu mematuhi tempoh notis 45 hari. Bilangan perwakilan dan Ahli adalah mencukupi di mana kehadiran 35 orang perwakilan daripada 18 Ahli dimana Persatuan Bolasepak Pahang hanya menghantar seorang wakil manakala dua (2) Ahli tidak terlibat di dalam Kongres kali ini adalah Persatuan Bolasepak Perak yang telah dikenakan tindakan pembatalan pendaftaran persatuan tersebut yang dikenakan oleh Pesuruhjaya Sukan (PJS) kini dalam proses rayuan kepada Kementerian Belia dan Sukan sementara Persatuan Bolasepak Kelantan atas kegagalan tidak membayar yuran keahlian. Korum Kongres adalah mencukupi dan memenuhi peruntukan oleh Artikel 25, Perkara 1, Statut FAM.

AGENDA 2

MELULUSKAN AGENDA KONGRES TAHUNAN FAM KALI KE-59

YBhg. Datuk Presiden membentangkan agenda Kongres Tahunan FAM kali ke-59 selaras dengan peruntukan Artikel 29, memaklumkan bahawa adalah menjadi ketetapan Artikel 29 Perkara 2, Statut FAM seperti yang terdapat pada halaman 5 buku Kongres Tahunan kali Ke-59

Agenda Kongres Tahunan FAM kali Ke-59 telah di terima dan diluluskan oleh Jawatankuasa Eksekutif FAM kali ke-7 yang telah bersidang pada 21 Mac 2022 bertempat di Wisma FAM, Kelana Jaya.

Sehubungan dengan itu, mengikut Artikel 29 Perkara 2 (ii), Statut FAM kelulusan daripada sidang kongres kali ini diperlukan.

Keputusan

Kongres telah meluluskan Agenda berkenaan atas cadangan dan sokongan daripada sidang perwakilan seperti berikut:

Pencadang : Encik Mohd Syahrizan bin Mohd Zain dari PB Terengganu
Penyokong : Mejar Sukri bin Ibrahim dari PB ATM

AGENDA 3

UCAPAN OLEH YBHG. DATUK PRESIDEN

YBhg. Datuk Haji Hamidin bin Haji Mohd Amin, selaku Presiden FAM memulakan ucap tama beliau dengan mengucapkan selamat datang kepada semua Ahli Jawatankuasa Eksekutif FAM; semua perwakilan dari kalangan Ahli Gabungan FAM; Pengerusi Jawatankuasa Tetap dan Badan Kehakiman FAM; pemerhati dari Majlis Olimpik Malaysia, Pesuruhjaya Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia, MFL, AFL, PFAM; wakil dari AFC; wakil-wakil penaja utama dari Bank Islam Malaysia Berhad; Malaysia Aviation Group Berhad; Nike; Telekom Malaysia; F&N Beverages; Al-Ikhsan; PT Bintang Toedjoe (Extra Joss); Dinamikjaya Motors (KIA); Etika Beverages (Wonda Coffee); PS Sales & Distribution (Origina); Elite Definition (Little Joe); Marco Worldwide (Caterpillar); Sanctuary Health (Sanctband Active); Paragon Vest (Kronos); Nestle (Milo); Active Sports (Puma); Ganador Marketing (Joma); Hewlett Packard (HP); Juruaudit; pengamal media serta kakitangan FAM ke Kongres FAM Kali Ke-59.

Beliau mengucapkan syukur ke-hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana atas perkenan dan limpah kurniannya dapat menghadiri Kongres FAM kali ke-59 dan menjadi satu penghormatan buat beliau apabila dapat menyaksikan kehadiran setiap pemimpin-pemimpin tertinggi badan induk bola sepak berkumpul pada kongres tersebut. Turut mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak di atas komitmen yang diberikan selama ini bersama FAM dalam menasaskan perjalanan bola sepak antarabangsa menjadi cemerlang dan berdaya saing.

Sidang Kongres dibawa mengimbuai kembali ketika beliau dilantik sebagai Presiden FAM kira-kira lima tahun lalu, ranking pasukan kebangsaan ketika itu berada di tangga ke-178 bulan Mac 2018 tetapi dengan berkat sokongan semua ahli-ahli gabungan dan semua pihak, kedudukan anak tangga Harimau Malaya telah berubah menjadi lebih baik dengan berada di tangga ke-137 dunia. Dalam tempoh tersebut beliau melihat pelbagai usaha FAM bersama badan kerajaan, persatuan, kelab dan lain-lain pihak dalam memastikan bola sepak Malaysia bergerak ke landasan yang tepat. Secara keseluruhan beliau masih tidak berpuas hati dengan prestasi bola sepak Malaysia.

FAM berusaha meletakkan batu asas terhadap misi membawa bola sepak negara ke landasan yang betul, termasuk melancarkan peta hala tuju F:30, projek Pemerkasaan Ahli Gabungan atau projek ACE serta Liga Futsal Profesional Malaysian Premier Futsal League (MPFL) serta piagam Akar Umbi Suparimau, Akademi-akademi Bola Sepak dan DNA bola sepak Malaysia dan juga Liga Wanita Nasional bola sepak wanita dan Piala Tun Sharifah Rodziah yang diberikan nafas baru.

FAM juga telah memperkenalkan projek ACE FAM yang dirangka bertujuan untuk bekerjasama dan menyokong ahli gabungan FAM bagi membina keupayaan serta kemampuan dalam mengurus, mentadbir dan membangunkan sukan bola sepak ke tahap kemampuan mereka yang optimum. Tiga (3) elemen utama projek ACE FAM adalah Pengurusan Pentadbiran iaitu membangunkan potensi ahli gabungan menjadi lebih kuat, Pembangunan Bola Sepak di mana memberikan sokongan teknikal dalam misi melahirkan jurulatih dan pemain lebih baik dan terakhir adalah Pembangunan Pertandingan yang menjadi peranan menyediakan lebih banyak peluang serta platform untuk bermain dan mengasah bakat.

YBhg. Datuk Haji Hamidin bin Haji Mohd Amin memberi jaminan bahawa FAM akan sentiasa turun padang dan memberikan sokongan kepada setiap ahli gabungan yang memerlukan khidmat nasihat pakar khususnya aspek pertandingan, nilai komersial serta pembangunan dalam memastikan Persatuan Negeri bergerak demi kepentingan bola sepak Negara. Beliau turut rasa kecewa kerana ada sebahagian daripada ahli gabungan masih tidak serius dengan pelan pembangunan ini di mana mungkin mereka sudah lupa bahawa proses pembangunan di peringkat bawah sebenarnya menjadi peranan utama untuk menjadi pemangkin kejayaan kepada pasukan kebangsaan kita.

Namun begitu beliau memahami beberapa sentimen daripada ahli gabungan yang berdepan beberapa kekangan tersendiri tetapi kata orang, hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. Secara peribadi, beliau sentiasa percaya ahli-ahli gabungan memiliki potensi besar untuk mengembangkan bakat-bakat muda di setiap negeri masing-masing di mana bola sepak sentiasa menjadi agenda nasional negara.

YBhg. Datuk Presiden berpandangan bahawa kita tidak boleh lagi leka atau lalai di mana arus pembangunan bola sepak moden mengalir begitu pantas di mana sepatutnya kita sudah memiliki asas kukuh daripada setiap komitmen persatuan-persatuan negeri iaitu pembangunan pengadil, Akademi Suparimau, mengadakan pertandingan bawah umur melibatkan usia 12 sehingga 17 tahun dan dari 19 sehingga 21 tahun, mampankan aktiviti kelab dan daerah, Liga Bola Sepak Wanita, futsal dan bola sepak pantai yang saya sangat menuntut komitmen daripada kesemua PB Negeri dapat dibangunkan bersama. Justeru beliau sangat berharap Ahli-ahli Gabungan dapat bertindak dengan lebih proaktif, profesional dan konsisten di mana FAM sentiasa menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan khidmat nasihat dan sebagainya. Pintu FAM sentiasa terbuka kepada semua pihak.

FAM bukan sahaja menekankan kepada pasukan kebangsaan tetapi semua perkara perlu digerakkan serentak dan memberikan penekanan kepada Bola Sepak Wanita, Bola Sepak Pantai, Futsal, Akademi Suparimau dan Liga Bawah umur 12 tahun sehingga 17 tahun.



FAM akan memperkenalkan Liga Bola Sepak Wanita buat julung kalinya pada Julai tahun ini. Beliau percaya Malaysia juga memiliki potensi yang cukup besar di dalam bola sepak wanita dan buktinya mereka tewas 0-3 kepada Vietnam dan tewas tipis 0-1 kepada Filipina di mana kedua-dua itu adalah pasukan Piala Dunia Wanita yang bakal dipertandingkan di New Zealand dan Australia pada 20 Julai akan datang.

Sekiranya ahli-ahli gabungan memainkan peranan lebih besar, beliau yakin dengan penglibatan semua pihak bukan sahaja bola sepak wanita tetapi bola sepak pantai, futsal dan pembangunan bagi pemain-pemain muda dapat dipertingkatkan kerana dari sudut FAM, kita memerlukan lebih banyak pemain-pemain serta pegawai dalam meletakkan setiap kategori ini mendapat minit permainan dan pengalaman bermain sebelum beraksi di pentas antarabangsa. Beliau sentiasa percaya, setiap kejayaan itu bermula dengan rintangan dan masih belum terlambat di mana tahun ini bakal menjadi satu garis masa yang penting buat FAM dalam mempersiapkan salah satu Agenda Nasional Negara iaitu sukan bola sepak.

Turut ditegaskan di dalam ucapan, simbiosis di antara FAM dan semua pihak khususnya Ahli Gabungan sentiasa menjadi peranan mustahak dalam membantu sukan bola sepak Negara untuk terus lebih berkembang di peringkat Antarabangsa.

Apa yang pasti kita semua sangat dituntut dalam memastikan sukan bola sepak negara terus kekal di dalam landasan tepat kerana setiap kejayaan datang dengan usaha keras, bukannya ia bergolek begitu sahaja. Untuk terus menyaksikan bola sepak negara kembali menjadi gergasi asia, perancangan rapi dan hebat seharusnya dilaksanakan dan sudah pasti imej bola sepak Malaysia gah di pentas antarabangsa sebagaimana sukan bola sepak telah pun diangkat menjadi Agenda Nasional.

YBhg. Datuk Presiden turut memaklumkan Ibu Pejabat baharu FAM akan dibina di Persint 5, Wilayah Persekutuan Putrajaya di mana FAM akan berpindah operasi serta tadbir urus yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2026. Ibu pejabat FAM yang dibina di atas tanah seluas 3 ekar bakal berwajah baharu, bitara dan serba moden dengan berketinggian empat tingkat serta dilengkapi kemudahan seperti pejabat, auditorium, bilik seminar pemasyhuran, kedai barangan FAM dan gelanggang futsal selain ia juga dibina bersebelahan dengan ibu pejabat Persekutuan Bola Sepak Asean (AFF) yang terletak di bandar bola sepak Putrajaya dan juga stadium dan pusat latihan Konfederasi Bolasepak Asia (AFC).

FAM juga dalam proses untuk membina sebuah Pusat Latihan Kebangsaan (NTC) yang dilengkapi dengan tiga (3) buah padang iaitu rumput asli, rumput hybrid dan "artificial grass" yang berlokasi di persint yang sama dan dikhususkan kepada Pasukan Kebangsaan di semua peringkat. Projek ini akan dibiayai melalui FIFA Forward Development Programme 1.0, 2.0 dan 3.0 selain mendapat pembiayaan daripada Kerajaan. Fungsi NTC juga bakal dilengkapi dengan kelengkapan serba moden. FAM optimis dengan langkah-langkah proaktif agar dapat membantu kualiti Pasukan Kebangsaan sebaliknya imej Malaysia sebagai salah satu Negara bola sepak meningkat naik di mata global.

Sehubungan dengan itu YBhg. Datuk Presiden turut mengucapkan terima kasih kepada :-

BIL	PENAJA	FUNGSI
1	Bank Islam	melanjutkan penajaan selama dua (2) tahun bermula 2023 sampai 2025
2	Malaysia Aviation Group Berhad	meneruskan kerjasama perjanjian baharu selama tiga tahun
3	Nike Sales (Malaysia) Sdn Bhd	penaja pakaian sukan rasmi Pasukan Kebangsaan dan FAM
4	Telekom Malaysia Technology Services Sdn Bhd	penaja teknologi rasmi Pasukan Kebangsaan dan FAM
5	F&N Beverages Marketing Sdn Bhd	penaja minuman isotonik dan air mineral rasmi Pasukan Kebangsaan, Malaysia Premier Futsal League (MPFL), Malaysia Futsal Cup dan FAM
6	Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd	penaja barangan sukan rasmi FAM ("Merchandise")
7	PT Bintang Toedjoe (Extra Joss)	penaja minuman tenaga rasmi Pasukan Kebangsaan dan FAM
8	Dinamikjaya Motors Sdn Bhd	penaja automatif rasmi FAM dan Harimau Malaya
9	Etika Beverages Sdn Bhd (Wonda Coffee)	penaja kopi rasmi Pasukan Kebangsaan dan FAM
10	PS Sales & Distribution Sdn Bhd (Origina)	penaja jus dan susu rasmi Pasukan Kebangsaan dan FAM
11	Elite Definition Sdn. Bhd. (Little Joe Malaysia)	penaja penyegar udara rasmi Pasukan Kebangsaan dan FAM
12	Marco Worldwide (M) Sdn. Bhd. (Caterpillar)	penaja jam tangan rasmi Pasukan Kebangsaan dan FAM
13	Sanctuary Health Sdn. Bhd. (Sanctband Active)	penaja jalur gelang rintangan FAM, unit pendidikan kejurulatihan dan unit sains sukan
14	Paragon Vest Sdn. Bhd. (Kronos Malaysia)	penaja pakaian pengadil rasmi FAM
15	Nestlé Products Sdn. Bhd. (Milo Malaysia)	penaja minuman malt coklat rasmi dan Pembangunan Akar Umbi FAM, unit Pendidikan Kejurulatihan dan Akar Umbi (Suparimau)
16	Active Sports Centre (Puma)	penaja bola rasmi Piala Presiden, Piala Belia, Liga Wanita Nasional (LWN) dan Piala Tun Sharifah Rodziah (PTSR)
17	Ganador Marketing Sdn. Bhd. (JOMA Malaysia)	penaja bola dan pakaian rasmi MPFL dan MFC
18	Hewlett Packard (HP)	Kontrak tamat pada 28 Jun 2023

YBhg. Datuk Presiden merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Malaysian Football League (MFL), Yang Berbahagia Dato' Ab Ghani bin Hassan selaku Presiden MFL yang sentiasa memberikan kerjasama baik dengan FAM dalam membantu kalendar bola sepak bagi memastikan agenda Nasional Pasukan Kebangsaan seiring berjalan dengan jayanya. Tidak ketinggalan juga ucapan penghargaan kepada Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Pelajaran, Agensi Kerajaan seperti Majlis Sukan Negara dan Institut Sukan Negara, pengamal media yang terus-terusan menegur secara membina, Peminat bola sepak tempatan yang setia menyokong harimau malaya dan akhir sekali anggota urus setia Agung FAM yang bekerja keras untuk memastikan FAM tidak terpesong daripada visi dan misi yang ditetapkan.

Beliau turut mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Ahli Jawatankuasa Eksekutif FAM, Ahli Gabungan FAM, kakitangan FAM, MFL, Media dan semua pihak yang menyokong dan mendoakan beliau sehingga berjaya menduduki kerusi Ahli Majlis FIFA 2023-2027 pada awal tahun ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih dan penghargaan kepada YB Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh dan Presiden Majlis Olimpik YBhg. Tan Sri Dr. Norza bin Zakaria yang telah melantik beliau sebagai Chief De-Mission (CDM) Olimpik 2024 di Paris. Perlantikan dan pengiktirafan adalah julung-julung kalinya diberikan kepada pemimpin Persatuan Bolasepak Malaysia.

Di akhir kalam, YBhg. Datuk Presiden menyatakan bukit sama didaki, lurah sama dituruni. Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat. Jangan jadi enau dalam belukar, melepas pucuk masing-masing. Hidup memerlukan pengorbanan. Pengorbanan memerlukan perjuangan. Perjuangan memerlukan ketabahan. Ketabahan memerlukan keyakinan. Keyakinan pula menentukan kejayaan. Kejayaan pula akan menentukan kesejahteraan. Kesejahteraan bola sepak negara.

AGENDA 4

MELANTIK AHLI-AHLI UNTUK MEMERIKSA MINIT KONGRES TAHUNAN FAM KALI KE-59

Selaras dengan peruntukan oleh Artikel 24, Perkara 2, Statut FAM, Kongres telah melantik tiga (3) orang daripada kalangan Ahli yang hadir sebagai Pemeriksa Minit Kongres FAM Kali Ke-59 seperti berikut:

1. YDH Supt Hammizamri bin Abdullah dari PB PDRM
2. Encik K. Santhana Raju dari Majlis Sukan India Malaysia (MSIM)
3. Encik Tan Chee Hong dari PB Cina, Malaysia

Pelantikan berkenaan telah dicadang dan disokong oleh sidang Perwakilan seperti berikut:

Pencadang : Encik Naimulddin bin Haron dari PB Perlis
 Penyokong : Encik Muhammad Izrin Nabil bin Ismail dari PB Selangor

AGENDA 5

MELULUSKAN MINIT KONGRES TAHUNAN FAM KALI KE-58 BAGI PENGGAL 2021-2025

YBhg. Datuk Presiden telah membentangkan Minit Kongres Kali Ke-58 yang telah diadakan pada hari Sabtu, 6hb Ogos 2022 bertempat di Kristal Ballroom, Hotel PJ Hilton. Minit yang turut dimuatkan dalam Buku Kongres Kali Ke-59 di muka surat 6 hingga 13.

Keputusan

Kongres telah menerima dan meluluskan Minit Kongres FAM Kali Ke-58 atas cadangan dan sokongan dari sidang perwakilan seperti berikut:

Pencadang : Encik K. Santhana Raju dari Majlis Sukan India Malaysia (MSIM)
 Penyokong : Encik Muhammad Farid bin Ahmad dari PB Kedah

AGENDA 6

MELAPORKAN AKTIVITI TAHUNAN FAM BAGI TAHUN 2022

Encik Noor Azman bin Hj Rahman, Setiausaha Agung FAM telah memaklumkan kepada sidang Perwakilan bahawa pembentangan Laporan Aktiviti 2022 dibuat melalui tayangan video untuk paparan kepada semua yang hadir turut dimuatkan di dalam Buku Kongres FAM Kali Ke-59 dari muka surat 15 hingga 118.

Keputusan

Kongres telah sebulat suara meluluskan Laporan Aktiviti Tahunan bagi tahun 2022 atas cadangan dan sokongan dari sidang perwakilan seperti berikut:



Pencadang : Encik Abd Malek bin Hassan dari PB Negeri Sembilan
Penyokong : Encik Nizam bin Ahmad dari PB Johor

AGENDA 7

MEMBENTANG DAN MELULUSKAN PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DIAUDITKAN OLEH JURUAUDIT FAM BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31HB DISEMBER 2022

YB Dato' Haji Ismail bin Karim, Bendahari FAM membentangkan Penyata Kewangan FAM bagi tahun kewangan berakhir pada 31hb Disember 2022 yang telah diaudit oleh Juruaudit FAM seperti di muka surat 119 hingga 155, Buku Kongres FAM Kali Ke-59. Penyata Kewangan yang sama juga telah dibentang dan disahkan oleh Jawatankuasa Eksekutif di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif FAM Kali Ke-7 pada 21hb Mac 2022 seperti yang termaktub di dalam Statut FAM, Artikel 28 Perkara 3.

Keputusan

Kongres telah meluluskan Penyata Kewangan FAM yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir pada 31hb Disember 2022 di atas cadangan dan sokongan dari sidang perwakilan seperti berikut:

Pencadang : YH Dato' Mohd Zulfikar bin Ahmad dari PB Kuala Lumpur
Penyokong : YBhg. Datuk Lau Hoi Keong dari PB Cina, Malaysia

AGENDA 8

MEMBENTANG DAN MELULUSKAN PINDAAN STATUT FAM YANG BAHARU

Encik Saaran a/l Nadarah memaklumkan kepada para perwakilan bahawa Kongres mempunyai bidang kuasa untuk meminda dan/atau menerima pakai Statut, Peraturan yang Mengawal Penggunaan Statut dan Peraturan Tetap Kongres seperti yang termaktub di bawah Artikel 31 Statut FAM.

Setelah beberapa lama berbincang dengan wakil dari FIFA dan AFC, sebanyak 35 artikel di dalam Statut FAM telah ditambah, dipinda dan/atau distrukturkan semula penomborannya supaya selaras dengan Statut FIFA dan AFC.

Diantara perkara-perkara penting yang dipinda adalah:-

I. Article 27 (3) Delegates and Votes

Each Member shall have one (1) vote and is entitled to be represented by a maximum of two (2) delegates to participate in the Congress. One (1) of the two (2) delegates shall exercise the right to vote on behalf of the Members. Voting by proxy or by letter is not permitted.

II. Article 28 (4) Areas of Authority

Electing the chairpersons, the deputy chairpersons and members of the independent committees (i.e. Audit and Compliance Committee, Electoral Committees and Judicial Bodies), upon proposal of the Executive Committee;

III. Article 31 Elections

The position of the President shall be elected as follows:

- i. where there are two (2) candidates on the first ballot, a majority (more than 50%) of the valid votes cast of the delegates presenting the Members who are present and eligible to vote is necessary; and*
- ii. where there are more than two (2) candidates on the first ballot, two-thirds (2/3) of the votes of the delegates representing the Members who are present and eligible to vote are necessary. Should no candidate receive two-thirds (2/3) of the votes on the first ballot, all candidates move to the second ballot. From the second ballot (if required) onwards, a majority (more than 50%) of the valid votes cast of the delegates representing the Members who are present and eligible to vote is necessary. If no candidate is elected, the candidate obtaining the lowest number of votes shall be eliminated from the subsequent ballot. This process shall continue (if required) until two (2) candidates remain and a majority (more than 50%) is achieved.*

IV. Article 38 (3) Composition

The term of office of the Executive Committee is four (4) years. They may be re-elected. Their mandates shall immediately begin after the end of the Congress which has elected them and expire at the end of the Congress at which their successors are elected. No person may serve as President for more than three (3) terms of office (whether consecutive or not). All other members (including any Deputy President and Vice President) of the Executive Committee may serve for no more than three (3) terms of office (whether consecutive or not). Any partial term of office shall count as one full term.

V. Article 38 (6) Composition

A member of the Executive Committee may not at the same time be a member of an independent committee and may not be appointed/elected as a delegate representing a Member at the Congress of FAM.

Keputusan

Setelah dibincangkan Kongres mengambil maklum dan sebulat suara menerima dan meluluskan Statut FAM yang baharu tanpa bantahan di atas cadangan dan sokongan dari sidang perwakilan seperti berikut:

Pencadang : Encik Mohd Azizudin bin Mohd Shariff dari PB Pulau Pinang
Penyokong : YBhg. Datuk Khairi Anuar bin Ahmad dari PB Melaka

AGENDA 9

MEMBENTANGKAN CADANGAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH AHLI (SEKIRANYA ADA)

YBhg. Datuk Presiden, memaklumkan kepada semua perwakilan bahawa sehingga ke tarikh tutup iaitu pada hari Rabu, 17 hb Mei 2023, pejabat Setiausaha Agung tidak menerima cadangan bertulis dari mana-mana Ahli Gabungan FAM.

AGENDA 10

PENANGGUHAN KONGRES TAHUNAN FAM KALI KE-59

Sebelum Kongres kali ke-59 ini ditangguhkan, YBhg. Datuk Marzuki Sulong dari PB Terengganu telah mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBhg. Datuk Presiden, Ahli Jawatankuasa Eksekutif FAM dan juga Pasukan Harimau Malaya yang telah menjadikan Negeri Terengganu sebagai Tuan Rumah bagi menganjurkan perlawanan Antarabangsa Tier 1 bermula dari 13 Jun hingga 22 Jun 2023 yang bermain di Stadium Sultan Mizan, Kuala Terengganu. Berkat kerjasama semua kakitangan Persatuan Bolasepak Terengganu dan Kerajaan Negeri Terengganu menjadikan penganjuran kedua-dua Perlawanan Antarabangsa Tier 1 itu berjalan dengan lancar.

Beliau mengambil peluang mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor yang telah menghadiahkan padang tersebut sewaktu beliau memegang jawatan Presiden Malaysian Football League (MFL).

YBhg. Datuk Marzuki Sulong turut memaklumkan mengenai cadangan PB Negeri Terengganu ingin membangunkan Stadium Sukan Bolasepak Pantai dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan Bandaraya Terengganu serta FAM.

YBhg. Datuk Presiden mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Datuk Marzuki bin Sulong.

YBhg. Datuk Presiden seterusnya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua perwakilan yang telah hadir bagi menjayakan Mesyuarat Kongres FAM kali ke-59 ini dan seterusnya Kongres FAM Kali Ke-59 ini ditangguhkan pada jam 11.45 pagi.

Minit Kongres FAM Ke-59 telah disemak oleh Pemeriksa-Pemeriksa Minit Kongres yang dilantik mengikut Artikel 24 Perkara 2, Statut FAM:




Supt Hammizamri Bin Abdullah
Persatuan Bolasepak
PDRM



K. Santhana Raju
Majlis Sukan India Malaysia



Tang Chee Hong
Persatuan Bolasepak Cina Malaysia



Noor Azman Bin Hj Rahman
Setiausaha Agung FAM



Datuk Haji Hamidin bin Haji Mohd Amin
Presiden FAM

KONGRES
TAHUNAN
FAM
59
2023

3
PRESIDEN FAM
HAJI HAMIDIN
D AMIN



KONGRES
TAHUNAN
FAM
59
2023



KONGRES
TAHUNAN
FAM
59
2023



1. Sepintas Lalu



Pelbagai sejarah baharu yang dapat dirakamkan di dalam koleksi diari FAM pada tahun 2023 di mana ia dilihat sebagai penting serta menjadi batu loncatan ke arah kecermerlangan arena bola sepak negara.

Meski pun terkandas di peringkat kumpulan, penyertaan skuad Harimau Malaya di Piala Asia 2023 di Doha, Qatar telah memberikan seribu satu makna bukan sahaja buat FAM tetapi Malaysia.

Merekodkan satu perlawanan seri ke atas Korea Selatan membuka mata pelbagai pihak bahawa Malaysia mampu bersaing di peringkat tertinggi ke atas pasukan yang jauh lebih tinggi rankingnya.

Selain itu, FAM semakin rancak mengorak langkah ke hadapan apabila telah melancarkan Fasa Kedua Peta Hala Tuju F:30 FAM bagi tahun 2023-2026 pada 11 November 2023.

Menerusi panduan fasa kedua Peta Hala Tuju F:30 itu, badan induk bola sepak negara ini akan memberi fokus terhadap tiga teras utama iaitu, perkembangan jenama menerusi penajaan dan kolaborasi bersama syarikat swasta, penumbuhan permainan dengan memperluaskan kolam pemain di dalam negara selain memperkuat lagi skuad kebangsaan serta memperkasakan organisasi dengan pendekatan inovatif.

Kehadiran Presiden Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF), Mejar Jeneral Khiev Sameth serta Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh pada majlis pelancaran itu menunjukkan usaha FAM untuk memperkasakan serta mengukuhkan arena bola sepak negara disokong oleh semua pihak berkepentingan.

Ini juga telah menambat pelbagai syarikat-syarikat swasta untuk menjalinkan kerjasama bersama FAM apabila sebanyak 18 penaja telah diumumkan sebagai penaja rasmi FAM.



2. Presiden

Sentuhan dan komitmen YBhg. Datuk Haji Hamidin bukan sahaja dalam menghadirkan kejayaan buat pasukan negara, tetapi di pentas dunia apabila 2023 dimulakan dengan pembabitan beliau sebagai Ahli Majlis Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA) bagi 2023-2027.

Peningkatan prestasi ditunjukkan skuad Harimau Malaya dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, juga menyaksikan peminat bola sepak tanah air kembali tersenyum selepas sekian lama dirundung kekecewaan. Antaranya, Harimau Malaya kembali beraksi di pentas tertinggi Piala Asia 2023 di Qatar, Januari 2024 apabila layak secara merit selepas tempoh 43 tahun pada Jun 2022.

Ranking Harimau Malaya juga mencapai kelompok 120 dunia terbaik selepas 19 tahun, sekali gus bergerak ke arah matlamat berada dalam kelompok 70 pasukan terbaik pada 2030.

Selain pembabitan dalam dunia bola sepak, kredibiliti dan kepimpinan YBhg. Datuk Haji Hamidin, turut diakui pihak luar apabila diumumkan sebagai Ketua Kontinjen Malaysia ke Sukan Olimpik Paris 2024.

Berikut ialah antara aktiviti yang dijalankan YBhg. Datuk Haji Hamidin:

Piala Mitsubishi Electric AFF 2022

YBhg. Datuk Haji Hamidin hadir memberi sokongan di kesemua perlawanan Harimau Malaya di Piala Mitsubishi Electric AFF 2022. Dalam pada itu, YBhg. Datuk Haji Hamidin turut berkesempatan menyerahkan jersi baharu skuad Harimau Malaya kepada Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh pada aksi Malaysia layak ke separuh akhir Piala Mitsubishi Electric AFF 2022 di Stadium Nasional Bukit Jalil pada 4 Januari 2023.



YBhg. Datuk Haji Hamidin Melakukan Kunjungan Hormat ke atas YAB Perdana Menteri (6 Januari)

YBhg. Datuk Haji Hamidin melakukan kunjungan hormat ke atas YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya. Dalam pertemuan sejam itu, Datuk Haji Hamidin berkongsi agenda terkini hala tuju industri bola sepak tempatan terutamanya memaklumkan persiapan skuad kebangsaan untuk menghadapi Piala Asia pada Januari 2024.



YBhg. Datuk Haji Hamidin Terima Anugerah Ikon Sukan Kepimpinan Harian Metro (8 Januari)


Menewaskan empat lagi calon lain, YBhg. Datuk Haji Hamidin dinobatkan sebagai penerima Anugerah Ikon Kepimpinan dalam Anugerah Ikon Sukan (AIS) Harian Metro yang berlangsung di Dewan Canselor Tun Abdul Razak, UKM, Bangi.

Empat lagi calon lain yang ditewaskan YBhg. Datuk Haji Hamidin itu ialah, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Sukan Negara (ISN) Ahmad Faedzal Md Ramli, Chief de Mission Sukan Sea 2021 Datuk Nur Azmi Ahmad, Presiden Persekutuan Berbasikal Kebangsaan (PKBM) Allahyarham Datuk Abu Samah Abd Wahab dan Ketua Pegawai Eksekutif Liga Bolasepak Malaysia (MFL) Datuk Stuart Ramalingam.



Kunjungan Hormat Presiden FAM ke atas Presiden Persatuan Bolasepak Jordan (24 Januari)

YBhg. Datuk Haji Hamidin menerima undangan kunjungan hormat ke atas Presiden Persatuan Bolasepak Jordan (JFA), Putera Ali Bin Al Hussein di Amman bagi membincangkan pelbagai aspek kerjasama dua hala Malaysia-Jordan. Hadir sama, Setiausaha Agung FAM, Noor Azman Haji Rahman. Turut hadir, Setiausaha Agung JFA, Samar Nassar dan Setiausaha Agung WAFF, Khalil Al-Salem.



Hadir ke Majlis Makan Malam Penghargaan Pengadil (18 Januari)

FAM telah mengadakan Majlis Makan Malam Penghargaan Pengadil sebagai tanda penghargaan barisan pengadil Liga Malaysia bagi musim 2022 selain mahu meraikan pengadil yang bakal bersara pada musim 2023.

Majlis makan malam berkenaan dihadiri oleh YBhg. Datuk Haji Hamidin itu telah dilangsungkan di Hotel Concorde, Shah Alam, turut menyaksikan pelancaran jersi terbaharu keluaran Kronos Malaysia yang akan disarungkan oleh barisan pengadil bagi edisi 2023.



Presiden FAM dipilih Ahli Majlis FIFA di Bahrain (1 Februari)

YBhg. Datuk Haji Hamidin dipilih sebagai Ahli Majlis FIFA bagi penggal 2023-2027 yang disahkan di Kongres Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) ke-33 di Bahrain.

Menerusi laman media sosial Istana Negara, KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menzahirkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada YBhg. Datuk Haji Hamidin atas kejayaan ini.

YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut sama mengucapkan tahniah kepada YBhg. Datuk Haji Hamidin di social media beliau. Presiden FIFA, Gianni Infantino dan beberapa pemimpin bola sepak antarabangsa turut masing-masing mengucapkan tahniah.



Kedutaan Malaysia di Bahrain raikan kejayaan Malaysia di FIFA di Rumah Malaysia, Manama (2 Februari)

Kejayaan selaku dipilih sebagai Ahli Majlis FIFA, YBhg. Datuk Haji Hamidin menerima undangan ke Rumah Malaysia oleh Duta Besar Malaysia ke Bahrain, Shazryll Zahiran.

Pada majlis makan tengahari berkenaan, Shazryll menyifatkan kejayaan YBhg. Datuk Haji Hamidin sebagai kebanggaan negara yang mampu melonjakkan lagi nama Malaysia di Pentas Dunia.



Sambutan Kepulangan YBhg. Datuk Haji Hamidin di KLIA (3 Februari)

Ahli Jawatankuasa Eksekutif FAM bersama seluruh kakitangan FAM dan media menyambut kepulangan Presiden FAM di KLIA susulan kejayaan dipilih sebagai Ahli Majlis FIFA.

Selain itu FAM juga mengadakan Majlis Kesyukuran buat Presiden FAM pada 7 Februari disusuli dengan sesi 'one-on-one' bersama media berhubung kejayaan di FIFA pada 14 Februari.



Presiden FAM Menghadap DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah (16 Februari)

YBhg. Datuk Haji Hamidin menghadap DYMM Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam.

DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menyantuni kunjungan hormat Datuk Haji Hamidin yang menyembah maklum perihal perkembangan semasa bola sepak negara selain mengucapkan tahniah dipilih sebagai Ahli Majlis FIFA bagi penggal 2023-2027 pada 1 Februari lalu.



YBhg. Datuk Haji Hamidin hadir sidang media pengumuman persaraan Safee Sali (21 Februari)

Presiden FAM diundang sebagai tetamu jempunan pada sidang media pengumuman persaraan pemain bola sepak professional yang juga bekas penyerang kebangsaan, Safee Sali.



Presiden Hadir Beri Sokongan Kepada Malayan Tigress B-20 (22 Februari)

YBhg. Datuk Haji Hamidin telah hadir pada perlawanan persahabatan tertutup di antara skuad Malayan Tigress B-20 kendalian Cameron Ng menentang SSS Leopards di Padang Wisma FAM.

Beliau turut meluangkan masa untuk bertemu barisan 25 pemain skuad bola sepak wanita B-20 kebangsaan selepas tamat perlawanan bersama Ketua Jurulatih Harimau Malaya, Kim Pan Gon.

Dalam pertemuan beliau bersama skuad Malayan Tigress itu, beliau mengingatkan barisan pemain untuk memberikan terbaik jika terpilih untuk membawa nama negara pada aksi pusingan Kelayakan Piala Asia Wanita B-20 2024 di Phnom Penh, Kemboja, 8 Mac.



Hadir Kongres FIFA ke-73 dan Mesyuarat Ahli Majlis FIFA di Kigali, Rwanda (14 dan 16 Mac)


Sebagai Ahli Majlis FIFA, YBhg. Datuk Haji Hamidin berkesempatan bertemu dengan Pengerusi Jawatankuasa Pengadil Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA), Pierluigi Collina di Rwanda bagi membincangkan penggunaan video bantuan pengadil (VAR).

Dian Aqilah Binti Mohammed Imran
Nur Yusrina Syasya Binti Yusmar
Asma Munajati Binti Ihsan
Daliea Eliesa Binti Mohd Hafiz
Nur Amyra Fariesya Binti Shahrizan
Nur Atika Zhulaikha Binti Zainee Azmee
Nur Hazellya Darwisyah Binti Noran
Nor Adriana Balqis Binti Nor Isma Yatim
Nurfarisha Karmila Binti Shamsol Riduan
Nurlayla Nabila Raihanna Binti Mohd Nor Fairuz
Hallyviana Joseph
Ku Nuwairah Binti Ku Mahadzir
Zarith Sofea Binti Nor Azri
Nurul Fatin Umairah Binti Muhamad Hanafi
Rocillyeka Lole
Noorshyfika Binti Melvin
Nur Eriesya Dareena Binti Redzuan



AFC U17
WOMEN'S
ASIAN CUP™
INDONESIA 2024

QUALIFIERS



12-9

Pasukan eSport Malaysia (eRimau)

FIFAE Nation Cup Series 2023 | Disember 2022 - Julai 2023

M
Menang

S
Seri

K
Kalah

Tarikh	Venue	Perlawanan		Keputusan	
Play-Ins					
15 Disember 2022	Atas Talian	Jepun	lwn	Malaysia	1 - 1 S
		Malaysia	lwn	Indonesia	1 - 0 M
		Singapura	lwn	Malaysia	1 - 0 K
		Malaysia	lwn	Hong Kong	3 - 0 M
		Korea Selatan	lwn	Malaysia	1 - 4 M
		Malaysia	lwn	India	1 - 2 K
16 Disember 2022	Atas Talian	Malaysia	lwn	Jepun	2 - 0 M
		Indonesia	lwn	Malaysia	2 - 1 M
		Malaysia	lwn	Singapura	2 - 0 M
		Hong Kong	lwn	Malaysia	1 - 1 S
		Malaysia	lwn	Korea Selatan	1 - 0 M
		India	lwn	Malaysia	9 - 2 K
26 Disember 2022	Atas Talian	Malaysia	lwn	Indonesia	2 - 1 M
		Australia	lwn	Malaysia	3 - 2 K
		Malaysia	lwn	New Zealand	0 - 0 S
		Malaysia	lwn	Singapura	1 - 1 S
		Vietnam	lwn	Malaysia	2 - 3 M
		Malaysia	lwn	India	2 - 1 M
27 Disember 2022	Atas Talian	Indonesia	lwn	Malaysia	2 - 2 S
		Malaysia	lwn	Australia	2 - 1 M
		New Zealand	lwn	Malaysia	2 - 4 M
		Singapura	lwn	Malaysia	0 - 1 M
		Malaysia	lwn	Vietnam	3 - 0 M
		India	lwn	Malaysia	4 - 0 K
2 Mac 2023	Atas Talian	Malaysia	lwn	New Zealand	4 - 0 M
		Australia	lwn	Malaysia	4 - 2 K
		Malaysia	lwn	Korea Selatan	3 - 1 M
		Jepun	lwn	Malaysia	0 - 2 M
		Singapura	lwn	Malaysia	2 - 1 K
		Malaysia	lwn	Macau	0 - 0 M



Tarikh	Venue	Perlawanan			Keputusan
3 Mac 2023	Atas Talian	New Zealand	lwn	Malaysia	2 - 1 K
9 Mac 2023		Malaysia	lwn	Australia	3 - 2 M
		Korea Selatan	lwn	Malaysia	0 - 3 M
		Malaysia	lwn	Jepun	1 - 0 M
		Malaysia	lwn	Singapura	0 - 3 K
		Macau	lwn	Malaysia	0 - 6 M
Play-Off					
19 Mei 2023	Atas Talian	Singapura	lwn	Malaysia	5 - 3 1 st Leg : 2-2 K 2 nd Leg : 3-1
		Malaysia	lwn	Korea Selatan	9 - 2 1 st Leg : 4-1 M 2 nd Leg : 5-1
		Indonesia	lwn	Malaysia	1 - 2 1 st Leg : 1-0 M 2 nd Leg : 0-2
20 Mei 2023	Atas Talian	India	lwn	Malaysia	3 - 1 1 st Leg : 1-1 K 2 nd Leg : 2-0
Final					
11 Julai 2023	Boulevard Arena, Riyadh, Saudi Arabia	Maghribi	lwn	Malaysia	1 - 1 S
		Itali	lwn	Malaysia	1 - 1 S
		Malaysia	lwn	Perancis	0 - 3 K
		Finland	lwn	Malaysia	3 - 2 K
12 Julai 2023		Malaysia	lwn	USA	1 - 3 K
		Malaysia	lwn	Maghribi	3 - 1 M
		Malaysia	lwn	Itali	1 - 1 S
		Perancis	lwn	Malaysia	0 - 0 S
		Malaysia	lwn	Finland	1 - 4 K
		USA	lwn	Malaysia	2 - 2 S


Nama Pemain

Ahmad Akmal Bin Abdul Rafil (AkmalJHD)

Faiq Iskandar Bin Saiful Bahri (Halowake)

Muhammad Imran Bin Burhanudeen (ImranDeen)

Muhammad Muzaffar Zuhair Bin Mustaffa (Chamack)



13. Pertandingan Bola Sepak

13-1

Piala Presiden dan Piala Belia 2023

13.1.1

Piala Presiden 2023 (B-20)



Pasukan-pasukan yang bertanding di Liga Super anjuran Malaysian Football League (MFL) adalah diwajibkan untuk menghantar penyertaan Pasukan Bawah 20 Tahun masing-masing. Selaras dengan ketetapan tersebut, had umur pertandingan Piala Presiden pada 2023 adalah bawah 20 tahun. Setiap pasukan yang bertanding diundi dan dibahagikan mengikut zon ke dalam Kumpulan A, B, C dan D yang dimainkan secara liga dua (2) pusingan. Seterusnya, Juara dan Naib Juara bagi setiap kumpulan akan bermain di Liga 1 (E) dan baki dua (2) lagi pasukan akan ditempatkan di Liga 2 (H). Peringkat Kalah mati melibatkan lapan (8) pasukan daripada setiap zon. Berbeza seperti tahun-tahun sebelumnya, format pertandingan telah diubahsuai bagi memastikan pertandingan ini dapat mencapai objektifnya setelah ianya ini dibatalkan ekoran pandemik Covid-19 pada tahun 2021 dan 2022.

Peringkat Zon

Piala Presiden 2023 - Kumpulan A								
Pasukan	P	M	S	K	J	B	PG	MT
Kedah Darul Aman FC C	6	4	2	0	7	2	5	14
Terengganu FC III	6	3	1	2	7	5	2	10
Kelantan United FC	6	3	0	3	4	5	-1	9
Sri Pahang FC	6	0	1	5	1	7	-6	1

Piala Presiden 2023 - Kumpulan B								
Pasukan	P	M	S	K	J	B	PG	MT
AMD U17	6	4	1	1	13	7	6	13
Perak FC III	6	3	1	2	4	6	2	10
Penang FC	6	2	2	2	4	5	3	8
Kelantan FC	6	1	0	5	4	15	-11	3

Piala Presiden 2023 - Kumpulan C								
Pasukan	P	M	S	K	J	B	PG	MT
Selangor FC	6	4	1	1	7	2	5	13
Negeri Sembilan FC	6	3	2	1	10	2	4	11
Kuala Lumpur City FC	6	3	1	2	7	4	-1	10
Sabah FC	6	0	0	5	5	17	-12	0

Piala Presiden 2023 - Kumpulan D								
Pasukan	P	M	S	K	J	B	PG	MT
Johor Darul Ta'zim III	6	5	0	1	12	1	11	15
PDRM FC	6	3	2	1	5	1	4	11
Melaka FA	6	1	1	4	3	9	-5	4
Kuching City FC	6	1	1	4	2	11	-9	4

Peringkat Liga

Piala Presiden 2023 - Kumpulan E								
Pasukan	P	M	S	K	J	B	PG	MT
Johor Darul Ta'zim III	7	6	0	1	14	5	9	18
Negeri Sembilan FC	7	4	2	1	10	5	5	14
Selangor FC	7	4	2	1	10	7	3	14
Perak FC III	7	4	0	3	11	7	4	12
AMD U17	7	2	2	3	10	8	2	8
Kedah Darul Aman FC C	7	2	1	4	5	9	-4	7
Terengganu FC III	7	2	1	4	9	16	-7	7
PDRM FC	7	0	0	7	2	14	-12	0

Piala Presiden 2023 - Kumpulan F								
Pasukan	P	M	S	K	J	B	PG	MT
Sri Pahang FC	7	5	1	1	17	6	11	16
Kuala Lumpur City FC	7	5	0	2	16	8	8	15
Kelantan United FC	7	4	3	0	10	2	8	15
Penang FC	7	3	1	3	14	9	5	10
Sabah FC	7	2	3	2	10	11	-1	9
Melaka FA	7	2	1	4	7	9	-2	7
Kuching City FC	7	2	1	4	8	12	-4	7
Kelantan FC	7	0	0	7	8	33	-25	0

Peringkat Kalah Mati



Pasukan JDT III dan Negeri Sembilan FC telah berjaya mara sehingga ke Perlawanan Akhir yang diadakan secara timbal balik namun nasib tidak menyebelahi Negeri Sembilan apabila tewas di tangan JDT III dengan agregat jaringan 1-5 pada Perlawanan Akhir 2 yang berlangsung di Stadium Pasir Gudang, Johor pada 1 Oktober 2023. Selaku Johan pertandingan, JDT III membawa pulang Piala Pusingan dan hadiah wang tunai sebanyak RM100,000.00 manakala Negeri Sembilan selaku Naib Johan pulang dengan hadiah wang tunai sejumlah RM75,000.00.



13.1.2 Piala Belia 2023 (B-18)



FAM tidak pernah ketinggalan dalam melahirkan bakat-bakat muda tanah air demi pembangunan bola sepak negara. Sebanyak dua belas (12) pasukan telah menyertai kejohanan ini yang bermula pada bulan Mac 2023 dan berakhir pada September 2023. SSTMI merupakan pasukan baharu yang menyertai kejohanan ini.

Format pertandingan 2023 menetapkan pasukan-pasukan yang bertanding perlu melalui Peringkat Liga Zonal dan Peringkat Liga terlebih dahulu sebelum ke Peringkat Kalah Mati. Di Peringkat Zonal, kesemua pasukan telah diundi ke dalam tiga (3) kumpulan iaitu Kumpulan A, B dan C berdasarkan kepada zon masing-masing, manakala perlawanan diadakan secara liga dua (2) pusingan. Pasukan di kedudukan pertama dan kedua bagi setiap kumpulan layak ke Liga 1 (G) manakala baki dua (2) pasukan terbawah akan ditempatkan di Liga 2 (H). Di Peringkat Liga pula, pasukan-pasukan yang bertanding akan bermain secara liga satu (1) pusingan di mana secara keseluruhan setiap pasukan akan bermain sebanyak lima (5) perlawanan. Seterusnya, lima (5) pasukan teratas Liga 1 dan tiga (3) pasukan teratas Liga 2 layak ke Peringkat Kalah Mati bermula dari Suku Akhir disusuli dengan Separuh Akhir sebelum ke Perlawanan Akhir bagi penentuan Johan dan Naib Johan.

Peringkat Zon

Piala Belia 2023 - Kumpulan A								
Pasukan	P	M	S	K	J	B	PG	MT
AMD U16	6	5	0	1	16	3	13	15
Kedah Darul Aman FC D	6	2	2	2	8	9	-1	8
Sri Pahang FC	6	2	1	1	6	12	-6	7
Penanag FC	6	0	3	3	5	11	-6	3

Piala Belia 2023 - Kumpulan B								
Pasukan	P	M	S	K	J	B	PG	MT
Terengganu FC IV	6	5	1	0	14	5	9	16
Kelantan	6	2	2	2	9	9	0	8
Melaka FA	6	1	2	3	7	11	-4	5
SSTMI	6	1	1	4	9	14	-5	4

Piala Belia 2023 - Kumpulan C								
Pasukan	P	M	S	K	J	B	PG	MT
Selangor FC	6	5	1	0	15	2	13	16
Johor Darul Ta'zim IV	6	3	1	2	11	6	5	10
Kuala Lumpur City FC	6	2	2	2	7	4	3	8
Sabah FC	6	0	0	6	1	22	-21	0

Peringkat Liga

Piala Belia 2023 - Kumpulan G								
Pasukan	P	M	S	K	J	B	PG	MT
Selangor FC	5	3	2	0	13	3	10	11
Johor Darul Ta'zim IV	5	3	2	0	10	4	6	11
Kedah Darul Aman FC D	5	1	3	1	4	6	-2	6
Terengganu FC IV	5	1	3	1	3	5	-2	6
AMD U16	5	1	1	3	3	8	-5	4
Kelantan	5	0	1	4	2	9	-7	1

Piala Belia 2023 - Kumpulan H								
Pasukan	P	M	S	K	J	B	PG	MT
SSTMI	5	4	1	0	9	0	9	13
Kuala Lumpur City FC	5	4	0	1	10	2	8	12
Penang FC	5	2	2	1	6	3	3	8
Sri Pahang FC	5	2	1	2	5	5	0	7
Melaka FA	5	0	1	4	3	11	-8	1
Sabah FC	5	0	1	4	2	14	-12	1


Peringkat Kalah Mati



Perlawanan Akhir Piala Belia 2023 telah menyaksikan pertembungan di antara Pasukan Johor Darul Ta'zim IV menentang juara bertahan iaitu Pasukan Selangor FC. Pasukan Selangor FC sekali lagi ditabalkan sebagai Johan apabila mengalahkan Johor Darul Ta'zim IV dengan agregat jaringan 3-2. Sebagai juara, Selangor FC membawa pulang Piala Pusingan, medal dan hadiah wang tunai sebanyak RM 60,000.00 manakala Johor Darul Ta'zim IV menerima medal berserta hadiah wang tunai sebanyak RM 30,000.00 Selain itu, pemain Selangor FC; Izzat Syahir Zulihisan turut dinobatkan sebagai penjaring terbanyak kejohanan dengan jumlah jaringan enam belas (16) gol sekali gus melayakkan beliau memenangi hadiah wang tunai sebanyak RM 1,000.00.




13-2 Perlawanan Antarabangsa Tier 1




Kalendar 2023 menyajikan empat (4) aksi perlawanan antarabangsa Tier 1 yang dimainkan di luar Lembah Klang berikutan dengan penutupan Stadium Nasional Bukit Jalil yang menjalani kerja-kerja penukaran rumput baharu. Selain itu juga, FAM menganggap ini adalah sebagai suatu usaha untuk membawa Pasukan Kebangsaan lebih dekat kepada penyokong-penyokong yang berada luar Lembah Klang untuk menyaksikan perlawanan peringkat antarabangsa.

FAM telah berjaya membawa empat (4) pasukan daripada rantau Asia dan juga Ocenia yang memenuhi kriteria bagi meningkatkan kedudukan Pasukan Kebangsaan dalam Carta Kedudukan FIFA. Di dalam Kalendar FIFA pada bulan Mac 2023, FAM telah memilih Johor Bahru sebagai gelanggang pertempuran Harimau Malaya menentang pasukan dari Asia iaitu, Turkmenistan dan Hong Kong. Kedua-dua Pasukan berada di kedudukan sedikit tinggi dari Malaysia, pada ketika itu.



Tarikh	Venue	Perlawanan			Keputusan
		Malaysia	lwn	Turkmenistan	
23 Mac 2023	Stadium Sultan Ibrahim	Malaysia	lwn	Turkmenistan	1 - 0
28 March 2023	Stadium Sultan Ibrahim	Malaysia	lwn	Hong Kong	2 - 0

Keputusan untuk mengadakan perlawanan antarabangsa di Stadium Sultan Ibrahim adalah tepat kerana ia mempunyai fasiliti bertaraf antarabangsa dan sokongan daripada Johor Darul Ta'zim yang menyediakan Jawatankuasa Pengeloaan Pertandingan Tempatan ("LOC") yang cukup baik dan mempunyai pengalaman yang luas dalam penganjuran perlawanan/pertandingan peringkat antarabangsa.



Dua (2) perlawanan antarabangsa seterusnya telah diadakan di dalam Kalendar FIFA bulan Jun 2023 di mana Pasukan Harimau Malaya telah menentang pasukan dari benua Ocenia iaitu Solomon Islands dan Papua New Guinea. Solomon Islands menduduki kedudukan FIFA lebih tinggi daripada Malaysia dan ini dapat membantu Malaysia untuk meningkatkan lagi kedudukan Pasukan Kebangsaan dalam Carta Kedudukan FIFA.

FAM telah memilih Kuala Terengganu sebagai destinasi kedua Pasukan Kebangsaan untuk memperagakan aksi kepada penyokong-penyokong di pantai timur Malaysia. Perlawanan di adakan di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin yang mempunyai kapasiti bersesuaian dan diluluskan oleh AFC untuk perlawanan Piala AFC 2023/24 bagi Pasukan Terengganu FC.

Tarikh	Venue	Perlawanan			Keputusan
14 Jun 2023	Stadium Sultan	Malaysia	lwn	Solomon Islands	4 - 1
20 Jun 2023	Mizan Zainal Abidin, Kuala Terengganu	Malaysia	lwn	Papua New Guinea	10 - 0

Peluang ini digunakan sepenuhnya oleh Persatuan Bolasepak Negeri Terengganu ("PBSNT") dan Terengganu FC ("TFC") bagi mempelajari prosedur-prosedur dalam mengadakan perlawanan antarabangsa yang berbeza dengan Liga Tempatan. Ia dianggap sebagai persiapan untuk menghadapi saingan Piala AFC 2023/24. Kerjasama baik telah diberikan oleh PBSNT dan TFC dalam penganjuran ini.

FAM juga mengambil peluang untuk mempromosikan lagi Bolasepak negara dengan mengadakan aktiviti-aktiviti sukan di perkarangan stadium di sepanjang tarikh rasmi perlawanan dengan kerjasama FIT Malaysia dan Majlis Sukan Negeri Terengganu. Turut bersama memeriahkan majlis dalam program ini juga adalah rakan-rakan rasmi FAM.

Kehadiran penonton untuk tahun 2023 bagi Perlawanan antarabangsa Tier 1 adalah memberansangkan. Mengambil kira perlawanan ini dimainkan di luar kawasan Lembah Klang dan juga bermain pada bulan Ramadan ketika di Johor Bahru selain faktor kekangan hari di dalam kalendar FIFA yang harus dimainkan pada hari bekerja.

Sebagai kesimpulannya, keempat-empat perlawanan ini telah berlangsung dengan lancar dan tiada insiden besar berlaku sebelum, semasa dan selepas perlawanan. Usaha dan kerjasama dari pemegang taruh FAM seperti Jabatan Imigresen Malaysia yang membantu urusan keluar masuk pasukan pelawat dan juga pegawai-pegawai perlawanan dari luar negara memberi impak yang baik dalam kelancaran penganjuran perlawanan antarabangsa Tier 1 ini.



13-3

Pestabola Merdeka Edisi ke-42 Kuala Lumpur 2023



Pestabola Merdeka membuat penampilan semula pada tahun ini setelah 10 tahun menyepi yang mana kali terakhir diadakan di Kuantan, Pahang pada tahun 2013. Diperkenalkan semula dengan logo baharu, edisi kali ini lebih meriah berikutan pasukan jemputan adalah Pasukan Kebangsaan berbeza dengan edisi-edisi sebelum ini iaitu 2007, 2008 dan 2013 yang memberi ruang kepada Pasukan bawah 23 tahun Kebangsaan. Edisi kali ini menampilkan pasukan-pasukan yang hebat dari rantau Asia Barat iaitu, India dan Tajikistan.



Pada asalnya, FAM telah menjemput Pasukan India, Lebanon dan juga Palestin. Sejurus selepas undian Kelayakan Piala Dunia FIFA 2026, Pasukan Lebanon telah diundi berada di dalam Kumpulan bersama-sama pasukan Palestin, dan berikutan itu, Pasukan Lebanon terpaksa menarik diri daripada menyertai edisi kali ini. Slot pasukan Lebanon kemudiannya diisi oleh Pasukan Tajikistan yang juga berkedudukan baik dalam carta kedudukan FIFA.

Walau bagaimanapun, di saat-saat akhir sebelum bermulanya kejohanan, FAM telah menerima khabar duka mengenai krisis yang menimpa Gaza di Palestin yang menyebabkan kegagalan Pasukan Kebangsaan Palestin untuk keluar daripada negara mereka. Lanjutan itu, FAM memutuskan untuk mengekalkan penyertaan kepada tiga (3) pasukan sahaja iaitu, Malaysia selaku tuan rumah, bersama-sama India dan Tajikistan.

Format pertandingan terpaksa diubah dengan mengekalkan perlawanan pertama di antara Malaysia dan India dan kemenangan percuma kepada Tajikistan. Pemenang antara perlawanan Malaysia dan India akan layak ke perlawanan akhir menentang Tajikistan. Keputusan perlawanan adalah seperti berikut:

Tarikh	Venue	Perlawanan			Keputusan
23 Mac 2023	Stadium Sultan Ibrahim	Malaysia	lwn	Turkmenistan	1 - 0
28 March 2023	Ibrahim	Malaysia	lwn	Hong Kong	2 - 0

Kejohanan kali ini juga adalah bersempena dengan perasmian padang Stadium Nasional Bukit Jalil iaitu Rumah Harimau Malaya yang telah menukar dari rumput tempatan biasa (Cow Grass) kepada rumput zion zoysia yang banyak digunakan di stadium-stadium terbaik dunia.

Pestabola Merdeka edisi kali ini juga mendapat sambutan yang meriah daripada penyokong Harimau Malaya yang setelah beberapa bulan tidak beraksi di Lembah Klang yang mana kali terakhir digunakan pada AFF Mitsubishi Electric Cup 2022 pada bulan Januari 2023.

Selain daripada penarikan diri saat akhir Pasukan Kebangsaan Palestin yang memberi kesan terhadap kelancaran penganjuran, FAM juga berhadapan dengan masalah padang yang belum sempat tersedia sepenuhnya untuk kejohanan ini. Hal ini adalah terkait dengan elemen teknikal lain seperti kekurangan cahaya matahari dan air yang membantutkan sedikit pertumbuhan rumput dan memerlukan masa lebih panjang untuk tumbuh dan stabil. Namun, usaha Perbadanan Stadium Malaysia ("PSM") untuk menambah baik keadaan padang amat dihargai demi kelancaran kejohanan ini. Tiada insiden serius lain berlaku di sepanjang penganjuran dari aspek keselamatan penonton dan promosi kejohanan.





13-4

Kelayakan Bersama Piala Dunia FIFA 2026 dan Piala Asia AFC 2027

Kelayakan bersama Piala Dunia FIFA 2026 dan Piala Asia AFC 2027 telah bermula pada bulan November 2023. Malaysia telah diundi di dalam Kumpulan D bersama-sama pasukan Oman, Republik Kyrgyz dan Chinese Taipei.

Malaysia memulakan kempen kelayakan menentang pasukan Republik Kyrgyz pada 16 November 2023 di Stadium Nasional Bukit Jalil dan seterusnya menentang pasukan Chinese Taipei pada 21 November 2023 di Taipei Municipal Council Stadium.

Malaysia mencatatkan kemenangan bagi kedua-dua perlawanan tersebut dan berjaya membawa ke kedudukan 130 dalam Carta Kedudukan FIFA.



FAM amat berpuas hati dengan kerjasama yang diberikan oleh pihak PSM dan LOC untuk pengelolaan perlawanan ini. Pihak PSM berjaya menambah baik keadaan permukaan padang dalam tempoh sebulan selepas daripada Pestabola Merdeka. Tiada insiden serius dilaporkan bagi pengelolaan perlawanan ini.

Perlawanan tuan rumah seterusnya adalah pada 26 Mac 2024 yang mana akan jatuh pada bulan Ramadhan dan perlawanan akhir Kumpulan D ialah pada 11 Jun 2024 sebagai penentuan sama ada Malaysia layak ke pusingan seterusnya.



13-5

Aktiviti-Aktiviti Pertandingan Bola Sepak Oleh Agensi Luar FAM

13.5.1

Supermokh Cup 2023

Supermokh Cup meneruskan legasi untuk tahun kedua selepas pandemik Covid-19 bagi meneruskan program pembangunan dalam melahirkan pemain-pemain Kebangsaan. Edisi kali ini telah mengekalkan format yang sama untuk tiga (3) peringkat umur iaitu Bawah 12 tahun, 13 tahun dan 14 tahun.

Kejohanan ini adalah anjuran Majlis Sukan Negara (MSN) dengan kerjasama FAM dalam memberi kelulusan penganjuran, khidmat nasihat teknikal, lantikan pegawai perlawanan dan laporan perlawanan.

Edisi kali ini mendapat penyertaan daripada pasukan-pasukan dari negara Asia Tenggara, Asia dan juga Eropah yang bermula pada 9 Oktober hingga 15 Oktober 2023. Venue pertandingan kekal di Akademi Mokhtar Dahari, Gambang, Pahang.

Pasukan NFDP A telah menjuarai kategori bawah 12 tahun dengan menewaskan pasukan JD T U12 dengan keputusan 5-2. Bagi kategori bawah 13 tahun pula dijuarai oleh pasukan daripada Poland iaitu Lech Poznan pada penentuan sepakan penalti menewaskan AMD Dream dengan Keputusan 4-5. Manakala untuk kategori bawah 14 tahun, Buriram United berjaya menewaskan pasukan



baharu dari Malaysia iaitu Sekolah Sukan Bukit Jalil ("SSBJ") dengan kemenangan besar 0-6.



Bawah 12 Tahun

NFDP A	
NFDP B	
NFDP C	
NFDP D	
Asiop FC	
Apuesto Bueno	
Zhejiang FC U12	
JDT U12	

Bawah 13 Tahun

AMD Dream	
AMD Future	
Chonburi FC	
Fagiano Okayama	
Hong Kong, China	
Lech Ponznan	
Zhejiang FC U13	
Evergrande FC	

Bawah 14 Tahun

AMD Dream	
AMD Future	
NK Osijek	
Shinan Bellmare	
SSBJ	
Spartak Trnava	
Piraya FC	
Buriram United	

13.5.2 Kelulusan Perlawanan Antarabangsa Dan Tempatan

Usaha untuk mengenalkan sistem pertandingan dengan konsep digital adalah salah satu teras dalam pelan F:30. Untuk tahun 2023, FAM telah mengorak langkah baharu dengan menguatkuasakan penggunaan sistem pertandingan ("CMS") untuk semua pasukan/klub dan juga Persatuan Bolasepak Negeri untuk memohon penganjuran perlawanan/ pertandingan bola sepak di dalam negara.

Hal ini bagi mengawal selia segala aktiviti perlawanan/ pertandingan yang dianjurkan secara komersil mahupun latihan bagi mengelak perkara-perkara tidak diinginkan berlaku dan mempunyai sistem laporan yang lebih efektif. Untuk permulaan, FAM telah menerima empat puluh enam (46) permohonan secara keseluruhan dan ini dilihat sebagai satu impak positif dengan penglibatan hampir semua klub besar dalam negara.

Daripada empat puluh enam (46) permohonan tersebut, empat (4) daripadanya diklasifikasi dalam kategori 1, manakala enam (6) permohonan kategori 2 dan tiga puluh enam (36) permohonan dalam kategori 3.

Berikut adalah penjelasan mengenai kategori perlawanan/pertandingan yang telah ditetapkan oleh FAM:

Kategori 1: (Tier 2 – FIFA/ AFC)

Adalah diklasifikasi dalam perlawanan/ pertandingan antarabangsa Tier 2 yang mana badan kelulusan perlawanan tersebut adalah daripada AFC.

Kesemua klub elit di bawah naungan FAM hendaklah membuat permohonan kepada FAM dengan mengisi permohonan dalam sistem CMS dan memilih Kategori 1 sebagai klasifikasi perlawanan tersebut selewat-lewatnya dua puluh satu (21) hari sebelum perlawanan/ pertandingan.

FAM akan menghantar permohonan tersebut melalui sistem AFCAS dari AFC untuk kelulusan selewat-lewatnya empat belas (14) hari sebelum perlawanan /pertandingan.

Kategori 2: (Tier 3/ Perlawanan latihan antarabangsa)

Perlawanan/ pertandingan antarabangsa yang hanya memerlukan kelulusan FAM, akan tetapi FAM hendaklah mendapat pengesahan daripada Persatuan Bolasepak Negara (ahli FIFA) yang mana pasukan pelawat tersebut bernaung.

Garis masa untuk proses kelulusan adalah sama seperti kategori 1.

Kategori 3: (Perlawanan/ pertandingan tempatan)

Perlawanan yang hanya melibatkan antara pasukan tempatan sama ada dianjurkan secara komersil atau pun latihan. Bagi kategori ini, FAM sahaja yang bertindak sebagai badan yang memberi kelulusan.

Disamping itu, FAM juga telah menerima beberapa permohonan secara manual daripada pemegang taruh lain yang masih belum diberikan akses kepada sistem CMS ini. Untuk permohonan secara manual, FAM telah meluluskan lapan (8) pertandingan tempatan dan antarabangsa seperti senarai berikut:

Tarikh	Kejohanan	Venue	Penganjur
23 - 26 November 2023	Kejohanan Bola sepak Wanita 7's IPT	UMPSA, Pahang	KPT
7 November - 25 Februari 2024	Kejohanan Bola Sepak IPT 23/24	Semua venue IPT	KPT
25-30 November 2023	Kejohanan PRA-U Cup Edisi Ke-3	AMD Gambang	KPT
24 September - 7 Oktober 2023	2023 Malaysia Borneo Football Cup	Kota Kinabalu, Sabah	Sabah FC
29 Julai - 6 Ogos 2023	Asian Soccer Championship	Stadium USM,	MCFA
4 - 5 Mac 2023	PSC International 7's 2023	Pulau Pinang	FAP KSPP
10 - 15 September 2023	Piala Evergreen 2023	Padang Kelab Bolasepak Pulau Pinang	PCFA Penang
29 April - Jun 2023	Piala Bardhan 2023	Stadium Majlis Perbandaran Selayang, Selangor	MISC

14. Pertandingan Futsal

14-1

Malaysia Premier Futsal League

14.1.1

MALAYSIA PREMIER FUTSAL LEAGUE (MPFL) 2023 KATEGORI LELAKI



Bagi musim 2023, sebanyak empat belas (14) pasukan telah menyertai Pertandingan Malaysia Premier Futsal League (MPFL) Kategori Lelaki yang dibahagikan kepada dua (2) kumpulan dengan tujuh (7) pasukan di dalam setiap kumpulan. Sebanyak sembilan puluh lapan (98) jumlah perlawanan bagi MPFL Kategori Lelaki yang dimainkan di venue pilihan pasukan masing-masing. Pertandingan dijalankan secara liga dua (2) pusingan di peringkat kumpulan seterusnya ke peringkat kalah mati (timbang balik) yang menyaksikan Pahang Rangers FC merangkul kejuaraan pertama bagi kelab itu di dalam pertandingan MPFL sepanjang tiga (3) musim diadakan setelah menewaskan JDT dengan agregat 9-6. Berikut adalah keputusan serta data perlawanan:

Kedudukan Pasukan

Kumpulan A								
Pasukan	P	M	S	K	J	B	PG	MT
Pahang Rangers FC	12	11	1	0	70	18	52	34
Pulau Pinang	12	9	1	2	48	26	22	28
Terengganu	12	8	1	3	54	38	16	25
Sabah	12	4	0	8	40	52	-12	12
ATM	12	3	1	8	27	64	-37	10
KPT-PST Mustangs	12	2	1	9	21	45	-24	7
Kedah	12	1	3	8	31	48	-17	6

Kumpulan B								
Pasukan	P	M	S	K	J	B	PG	MT
Johor Darul Ta'zim	12	10	1	1	70	21	49	31
Selangor MAC	12	10	1	1	63	24	39	31
Selangor TOT United	12	7	0	5	57	33	24	21
Shah Alam City	12	6	0	6	43	43	0	18
KL City FC	12	5	1	6	35	42	-7	16
PFA Odin Sarawak	12	1	2	9	28	67	-39	5
Kuala Lumpur	12	0	1	11	16	82	-66	1

Peringkat Kalah Mati



14.1.2 Malaysia Premier Futsal League (MPFL) 2023 Kategori Wanita

Pertandingan MPFL Kategori Wanita tidak dapat dijalankan oleh kerana tidak mendapat sambutan. Hanya 2 pasukan sahaja iaitu Sabah dan Shah Alam City yang berminat untuk menyertai pertandingan bagi tahun 2023.

14-2 Malaysia Futsal Cup (MFC) 2023



Sebanyak lapan (8) pasukan terbaik yang bertanding di dalam MPFL Kategori Lelaki telah menempah slot untuk mengharungi saingan di peringkat Malaysia Futsal Cup (MFC). Pasukan tersebut adalah:



Pertandingan ini dimainkan secara timbal balik dua (2) pusingan bermula dengan peringkat suku akhir hingga ke peringkat separuh akhir di venue pilihan pasukan masing-masing. Perlawanan akhir yang dijalankan secara satu (1) pusingan sahaja menyaksikan pasukan Pahang Rangers FC menewaskan Johor Darul Ta'zim yang diadakan di Stadium Malawati, Shah Alam menjadikan Pahang Rangers FC juara berganda pada musim 2023 iaitu johan MPFL dan MFC, manakala tempat ketiga jatuh kepada pasukan johan musim 2022 Selangor MAC. Berikut adalah keputusan perlawanan yang melibatkan sebanyak empat belas (14) perlawanan secara keseluruhan:



14-3

Aktiviti-Aktiviti Pertandingan Futsal Oleh Agensi Luar FAM

Bil	Pertandingan	Agensi	Tarikh	Tempat
1.	Kejohanan Futsal Liga Sukan Komuniti	Kementerian Belia dan Sukan Malaysia	2 hingga 5 November 2023	Dewan Sri Putra, Bukit Jalil
2.	Kejohanan Futsal Liga Sukan UNITI	Kementerian Perpaduan Negara	18 November 2023	Uptown Sports, Bangi



15. Pertandingan Bola Sepak Wanita

15-1 Pertandingan Bola Sepak Wanita



Januari Festival Bola Sepak Wanita – Sabah

FAM Regional Women's Football Festival telah diperkenalkan sebagai salah satu inisiatif FAM bagi Pembangunan bola sepak Wanita di Malaysia. Ianya pertama kali di lancarkan pada penghujung tahun 2022. Sabah menjadi destinasi ketiga selepas Pulau Pinang dan Selangor pada 2022. FAM Regional Women's Football Festival telah diadakan pada 14 Januari 2023.

Sebanyak sepuluh pasukan telah menyertai festival ini dan Tenom FC telah dijulang sebagai juara manakala Je Ly Ni FC dinobatkan sebagai Naib Juara, dan tempat ketiga diduduki pasukan ubi muda dari Sekolah Sukan Malaysia Sabah.



Ogos sehingga November Liga Wanita Nasional LWN) 2023 – Home & Away

Liga Wanita Nasional edisi 2023 membawa nafas baru dengan menyaksikan format baharu 'Home & Away' diperkenalkan. Sebanyak 6 pasukan telah berentap bagi merebut Mahkota kejuaraan Liga Wanita Nasional 2023.

Saingan sengit ditunjukkan kesemua pasukan sepanjang tempoh liga berlangsung. Pasukan Sabah merangkul kejuaraan dengan berkongsi 13 mata bersama pasukan Kelana United namun berkelebihan jaringan dan telah dinobatkan selaku Juara Liga Wanita Nasional 2023.

Tempat kedua liga iaitu pasukan Kelana United telah memberikan tentangan sengit keatas Sabah FA namun terpaksa akur di kedudukan ke dua. Tempat ketiga pula diduduki pasukan Malaysian University yang dibarisi para pemain dari gabungan university tempatan.

Pemain terbaik Liga telah dianugerahkan kepada Uzliza Usman dari Sabah FA. Dua pemain muda dari Sekolah Sukan Malaysia Pahang (SSMP) iaitu Kaseh Carmilla dan Nur Najwa Irdina masing-masing telah dinobatkan sebagai Penjaring Terbanyak dan Pemain Muda Terbaik Liga.





Disember Kejuaraan Liga Puteri Bawah 15 Tahun – Pilot Project

FAM terus merancang Pembangunan Bola Sepak Wanita dengan menganjurkan projek perintis Kejohanan Liga Puteri B-15 bermula pada 9 hingga 17 Disember 2023 bertempat di Padang Bola Sepak Sime Darby, Bukit Jelutong, Selangor.

Kejohanan yang diadakan buat julung-julung kalinya bakal menyaksikan lapan pasukan B-15 dari seluruh Malaysia berentap bagi merebut gelaran juara.

Lapan pasukan yang terdiri daripada FEM19 FC, Real CJ, Kelana United FC, Melaka, Sabah, SSS Leopard FC, KBJ Bangi dan SDFC telah dibahagikan kepada dua kumpulan di mana format pertandingan menyaksikan pasukan-pasukan ini mengharungi liga kumpulan sebelum dua pasukan teratas layak ke peringkat separuh akhir dan seterusnya ke peringkat akhir.

Kelana United FC telah menjadi juara setelah menewaskan SSS Leopard FC 7-6 melalui sepakan penalti setelah seri 0-0. Tempat ketiga disandang oleh Sabah dan FEM19 FC setelah tewas di semi final.

Pemain Sabah Nina Hasmaji dinobatkan sebagai penjaring terbanyak dengan 11 gol dan Nur Shadrina Ahmad Johari dari Kelana United FC sebagai pemain terbaik kejohanan.





15-2 Program Pembangunan Bola Sepak Wanita

Januari & Februari
UEFA Assist – Football For Women

Dalam usaha untuk menambah baik serta memperkasakan lagi bola sepak wanita di Malaysia, Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) bersama program pembangunan bola sepak badan induk bola sepak Eropah, UEFA Assist dan Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) telah menganjurkan program Bola Sepak untuk Wanita di Hotel Armada, Petaling Jaya.

Program selama empat hari bermula pada 30 Januari 2023 hingga Khamis, 2 Februari 2023 telah disertai oleh 50 peserta yang terdiri daripada FAM, Majlis Sukan Negara (MSN), Program Pembangunan Bola Sepak Negara (NFDP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), persatuan-persatuan bola sepak negeri, pengurus dan pegawai tadbir pasukan, bakal jurulatih serta pemain-pemain bola sepak wanita negara.

Ia telah dikendalikan oleh tiga penasihat pakar UEFA, Geoff Wilson, Esther Thamar Huijismans dan Pasquier Eva yang mana ketiga-tiga instruktur ini telah berkongsi pengalaman serta memberi pendidikan yang lebih mendalam mengenai bola sepak wanita serta wanita dalam kepimpinan.



UEFA Assist – League Development Program

Seminar League Development Programme yang dikendalikan pakar dari Kesatuan Bolasepak Eropah (UEFA) telah berlangsung selama tiga hari pada 4 hingga 7 Februari 2023. Program ini menjadi platform di antara UEFA, FAM, wakil persatuan negeri dan kelab bagi membincangkan objektif, pelan, hala tuju serta perkembangan realistik liga bola sepak wanita dalam negara ini.

Turut hadir Exco FAM merangkap Pengerusi Jawatankuasa Bola Sepak Wanita FAM, Dato' Suraya Yaacob bersama Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Bolasepak Wanita merangkap Exco FAM, YBrs Dr Siti Faidul Maisarah Abdullah, Setiausaha Agung FAM, Noor Azman Hj Rahman, Ketua Jurulatih Bolasepak Wanita Kebangsaan merangkap Ketua Unit Wanita FAM, Soleen Al Zoubi dan tiga pakar merangkap jurucakap program tersebut adalah Chris Milnes, Stuart Larman dan Geoff Wilson.



Oktober

FIFA/FAM Bengkel Pembangunan Liga Wanita

Dalam usaha untuk memperkasakan lagi bola sepak wanita di dalam negara, Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) dengan kerjasama Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA) telah menganjurkan Kursus Pembangunan Liga FIFA/FAM 2023 pada 16 hingga 18 Oktober 2023 di Wisma FAM, Kelana Jaya.

Seramai 20 peserta terdiri daripada ketua jurulatih dan jurulatih pasukan bertanding di Liga Wanita Nasional (LWN) 2023, jurulatih sekolah sukan serta jurulatih terpilih dari persatuan bola sepak yang terbabit di dalam bola sepak wanita.

Kursus selama tiga hari itu telah dijalankan oleh Pakar Teknikal FIFA, Karl Dennis Dodd dari Brisbane, Australia dan dibantu oleh ketua unit akar umbi FAM, Cameron Ng.

Antara topik yang dibentangkan di dalam kursus berkenaan adalah kepimpinan Malaysia dan kesihatan wanita, membina model perlawanan serta falsafah dan periodisasi model perlawanan selain turut menjalankan latihan secara praktikal.



15-3

Mesyuarat Jawatankuasa Bola Sepak Wanita

Mac

Mesyuarat Kelima Jawatankuasa Bola Sepak Wanita FAM

Jawatankuasa Bola Sepak Wanita Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) bermesyuarat buat kali kelima bagi penggal 2021-2025 di Wisma FAM, Kelana Jaya pada 30 Mac 2023.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Exco FAM, Dr. Siti Faidul Maisarah Abdullah selaku timbalan pengerusi jawatankuasa berkenaan.

Yang turut hadir ialah Setiausaha Agung FAM, Noor Azman Hj Rahman; Pengarah Teknikal FAM, Scott O'Donnell serta ketua jurulatih Malayan Tigress yang juga Ketua Unit Bola Sepak Wanita FAM, Soleen Al-Zoubi.

Antara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut ialah mengenai Projek Khas Pembangunan Bola Sepak Wanita di Malaysia, cadangan penambahbaikan menjelang Liga Wanita Nasional (LWN) 2023 serta laporan persediaan pasukan ke Kelayakan Piala Asia Wanita B-17 2024 di Thailand dan Sukan SEA 2023 di Kemboja.

Oktober

Mesyuarat Keenam Jawatankuasa Bola Sepak Wanita FAM

Jawatankuasa Bola Sepak Wanita Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) bermesyuarat buat kali keenam bagi penggal 2021-2025 di Wisma FAM, Kelana Jaya, pada 19 Oktober 2023.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Exco FAM, Dato' Suraya Yacob selaku Pengerusi Jawatankuasa Bola Sepak Wanita FAM.

Antara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut ialah mengenai kemas kini aktiviti bola sepak wanita bagi tahun 2023, pelan strategi bola sepak wanita serta pelan dan kalendar aktiviti bola sepak wanita bagi tahun 2024.



15-4

Penyertaan Seminar/Bengkel/Kursus Unit Bola Sepak Wanita

FIFA Safeguarding In Sports Diploma Graduation
24-27 Oct 2023 – Zurich, Switzerland



AFC Elite Youth Conference
14-16 Nov, 2023 – Kuala Lumpur, Malaysia



AFC Elite Youth Conference
AFC Coach Education Tutors Course
27 Nov- 1 Dec – Bangkok, Thailand



UEFA Assist Football For Women & League Development Programme
30 Januari – 2 Februari 2023 & 4 – 7 Februari 2023
Kuala Lumpur, Malaysia



FIFA/FAM League Development Programme
16 – 18 Oktober 2023 – Kuala Lumpur, Malaysia



16. Kepengadilan

16-1 Seminar & Ujian Kecergasan 2023

Seminar dan ujian kecergasan akan diadakan pada setiap awal tahun bagi persediaan sebelum Liga Malaysia bermula. Berikut adalah maklumat seminar dan ujian kecergasan yang telah diadakan:

Bil	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1	Seminar & UK Tahunan Kump I (C1)	2 hingga 5 Januari 2023	TH Hotel, Kelana Jaya
2	Seminar & UK Tahunan Kump II (B1)	10 hingga 13 Januari 2023	TH Hotel, Kelana Jaya
3	Seminar & UK Tahunan Kump III (B)	13 hingga 16 Januari	TH Hotel, Kelana Jaya
4	Seminar & UK Tahunan Kump IV (A)	17 hingga 20 Januari	Concorde Shah Alam
5	Seminar Tahunan RA Kump I	18 hingga 20 Januari	Concorde Shah Alam
6	Seminar & UK Tahunan Kump V (A1)	25 hingga 28 Januari	TH Hotel, Kelana Jaya
7	Seminar & UK Tahunan Futsal	30 Jan hingga 2 Feb	TH Hotel, Kelana Jaya
8	Seminar & UK Tahunan Sabah	7 hingga 10 Feb	The Klagan Hotel, K. Kinabalu
9	Seminar & UK Tahunan Sarawak	12 hingga 15 Feb	Habour View, Kuching
10	Seminar Tahunan RA Kump II	22 hingga 24 Feb	Armada Hotel, Petaling Jaya
11	Seminar & UK Tahunan Kump IV (C)	17 hingga 20 Februari	Tg Vista, K. Terengganu
12	Refresher Pengadil Liga M 2023	21 hingga 23 Februari	The Westin Hotel Desaru, Johor

16-2 Majlis Makan Malam Bersama Pengadil 2023

Majlis makan malam Pengadil telah diadakan pada 18 Januari 2023 di Hotel Concorde, Shah Alam.



16-3 Peperiksaan Bertulis Pengadil Bola Sepak & Futsal 2023

Peperiksaan bertulis bagi Pengadil Bola Sepak dan Futsal diadakan pada setiap tahun. Berikut adalah peperiksaan bagi tahun 2023.

Bil	PEPERIKSAAN	TARIKH	TEMPAT
1	Bola Sepak Kelas III	11 Mac 2023	Seluruh Negeri
2	Futsal Kelas III	27 Mei 2023	Seluruh Negeri
3	Bola Sepak Kelas III (Kali ke-2)	30 September 2023	Seluruh Negeri
4	Futsal Kebangsaan Kelas I	9 Disember 2023	Wisma FAM, Kelana Jaya
5	Bola Sepak Kebangsaan Kelas I	10 Disember 2023	TH Hotel, Kelana Jaya

16-4 "SAFF Top And First Division Refereeing Course 2023"

Sekumpulan Pengadil telah dihantar ke Serbia untuk menyertai 'SAFF Refereeing Summer Camp' pada 26 hingga 27 Oktober 2023. Seramai enam (6) orang Pengadil dan tiga (3) orang Instruktur telah menyertai program tersebut.

Bil	Nama	
1.	Tuan Mohd Yaasin Bin Tuan Mohd Hanafiah	Pengadil FIFA
2.	Muhammad Izzul Fikri Bin Kamaruzaman	Pengadil
3.	Mohamad Kamil Zakaria Bin Ismail	Pengadil
4.	Muhammad Munir Bin Mohd Izam	Pengadil
5.	Kesava Raj S Neelamagan	Penolong Pengadil FIFA
6.	Muhammad Shafiq Bin Ahmad Said	Penolong Pengadil FIFA
7.	Ravichandran Chappanimutu	Instruktur
8.	Abdul Basith Bin Shahul Hamid	Instruktur
9.	Kassim Bin M K Kadir Bacha	Instruktur

16-5 Kursus "Video Assistant Referee (VAR)"

Bermula pada tahun 2023, Persatuan Bolasepak Malaysia dengan Kerjasama 'Malaysian Football League' (MFL) telah mengadakan kursus VAR bagi meningkatkan kualiti kepengadilan dalam Liga Malaysia. Seramai 22 orang Pengadil dan 20 orang Penolong Pengadil telah terpilih untuk mengikuti kursus ini yang telah dijalankan di Wisma FAM, Kelana Jaya seperti maklumat berikut.

- 15hb – 16hb April 2023 : Latihan VAR Fasa-1
- 28hb Ogos – 11 Sept 2023 : Latihan VAR Fasa 2A,B
- 5hb – 20hb Okt 2023 : Latihan VAR Fasa 2C,D
- 20hb Nov – 03hb Dis 2023 : Latihan VAR- Permainan Praktikal Fasa 3A,B,C



16-6 Latihan Praktikal Perlawanan 'Video Assistant Referee' (VAR)

Persatuan Bolasepak Malaysia telah menghantar seorang Pengadil, Muhammad Nazmi Nasaruddin serta dua (2) orang Penolong Pengadil Mohamad Zairul Khalil Tan dan Mohd Arif Shamil Abd Rashid ke Saudi bagi menyertai Liga SAFF (Saudi Arabian Football Federation untuk menjalani latihan penggunaan VAR.





17. Integriti

17-1 Safeguarding Sport From Corruption In The Asean: UNODC

UNODC telah mengadakan satu seminar dengan kerjasama SPRM pada 15 dan 16 Mei 2023 bertempat di Pejabat AFC, Bukit Jali.

Seramai 60 orang wakil-wakil persatuan, badan pencegahan rasuah dan pihak berkuasa dari negara-negara Asean dan luar negara telah menghadiri seminar tersebut.

Kertas kerja yang dibentangkan pada seminar tersebut melibatkan kegiatan rasuah sukan dan cara mengawal serta mencegah rasuah dalam sukan.

17-2 Seminar Integriti

Satu Pelan Integriti telah diluluskan oleh FAM dalam menangani gejala rasuah Unit Integriti sedang bekerjasama dengan SPRM untuk mengadakan Seminar Integriti pada Tahun 2024 sebelum bermulanya Liga Malaysia. Seminar ini bertujuan untuk menerangkan lagi secara terperinci mengenai peranan dan tanggungjawab jawatankuasa integriti di setiap negeri.

Seminar ini akan disertai oleh Ketua-Ketua Jawatankuasa Integriti Negeri, Persatuan Bolasepak Negeri, Kelab-Kelab yang bertanding di Liga MFL dan Kelab-Kelab yang bertanding di Liga AFL.

18. Keselamatan

18-1 Keselamatan Perlawanan

Unit ini mengendalikan urusan keselamatan Stadium termasuk menyediakan marshall, petugas memeriksa badan, PDRM semasa semua perlawanan yang melibatkan pasukan Malaysia termasuk perlawanan yang dikelolakan oleh FAM pada tahun 2022.

Antara perlawanan tersebut adalah:

1. Perlawanan persahabatan Antarabangsa Tier 1
2. Pusingan Kelayakan Piala Asia Kumpulan E di Stadium Nasional Bukit Jalil.
3. Piala AFF Mitsubshi-Electric 2022
4. Piala Tun Sharifah Rodziah
5. Pertandingan Akhir MPFL
6. Pertandingan Akhir Liga M3

PDRM juga akan menyediakan anggota dan pegawai yang mencukupi untuk bertugas sepanjang perlawanan serta dibantu oleh petugas keselamatan lain. Anggota tambahan dari PGA dan FRU juga akan digunakan jika ada keperluan.

Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan juga akan menambah ahli jawatankuasa dari Cawangan Khas dan Cawangan Jenayah Siber supaya dapat bersama-sama menangani penularan kumpulan 'Casual' yang sering melakukan keganasan di perlawanan Liga Malaysia.

18-2 Taklimat Keselamatan

Unit ini telah dijemput untuk menyampaikan taklimat berkaitan keselamatan sebelum bermula sesuatu pertandingan yang dijalankan. Ini bagi memberi maklumat serta persediaan kepada pasukan tuan rumah mengendalikan aspek-aspek keselamatan.

Antara taklimat yang telah diberikan

- Liga M3
- Liga M4

FAM Bersama MFL akan menganjurkan bengkel keselamatan untuk kelab-kelab mengambil maklum akan langkah keselamatan yang perlu diambil maklum sebelum, semasa dan selepas perlawanan bola sepak.

Video tentang keselamatan kebakaran juga akan ditontonkan semasa bengkel tersebut yang akan disediakan oleh pihak Jabatan Penyelamat dan Bomba Malaysia

18-3 Mesyuarat Keselamatan

Unit ini juga telah mengadakan beberapa kali Mesyuarat Koordinasi Keselamatan bersama untuk menyelaraskan aspek-aspek keselamatan di dalam perlawanan yang melibatkan pasukan kebangsaan di Stadium Nasional Bukit Jalil.

Mesyuarat tersebut adalah

- Pusingan Kelayakan Piala Dunia.
- Pestabola Merdeka 2023

18-4 FIFA Safety And Security Learning Portal

FIFA telah mengwujudkan satu sistem pembelajaran secara talian untuk Ahli Gabungan FIFA bagi semua aspek keselamatan dalam perlawanan yang melibatkan ahli gabungan FIFA.

Dengan portal ini semua Ahli Gabungan FIFA dapat mempelajari cara-cara menangani keselamatan semasa perlawanan.

19. Perubatan Sukan

19-1

Khidmat Perlindungan Perubatan Pasukan-Pasukan Kebangsaan

Hala tuju dan teras utama Unit Perubatan dan Sains Sukan diteruskan dengan memacu objektif utamanya iaitu memberi perkhidmatan perlindungan perubatan Kepada semua Pasukan-pasukan Kebangsaan yang mengambil bahagian didalam pertandingan dan perlawanan persahabatan didalam dan luar negara pada tahap terbaik dan menyeluruh.

Pasukan Kebangsaan Senior

Berikut adalah latihan pusat dan pertandingan yang telah berlangsung untuk Pasukan Senior Lelaki Kebangsaan;

November, Disember 2022 dan Januari 2023

Malaysia – 29/11/2022 hingga 11/01/2023

- Latihan, Perlawanan Persahabatan dan Kejohanan Piala AFF Mitsubishi

Mac 2023

Malaysia - 20/03 - 28/03/2023

- Latihan dan Tier 1 Perlawanan Persahabatan (Turkmenistan dan Hong Kong)

June 2023

Malaysia - 10/06 - 20/06/2023

- Latihan dan Tier 1 Perlawanan Persahabatan (Solomon Island dan Yemen)

September 2023

Chengdu, China - 29/08 - 11/09/2023

- Latihan dan Tier 1 Perlawanan Persahabatan (Syria dan china)

Oktober 2023

Malaysia - 6/10 - 17/10/2023

- Pesta Bola Merdeka (India dan Tajikistan)

November 2023

Malaysia and Taiwan - 10/11 - 21/11/2023

- FIFA World Cup 2026/AFC Asian Cup 2027 Joint Qualifiers (Kyrgyzstan dan Taiwan)

Pasukan Kebangsaan Bawah 23 Tahun

Berikut adalah latihan pusat dan pertandingan yang telah berlangsung untuk Pasukan Lelaki Kebangsaan Bawah 23 Tahun;

Februari 2023

Malaysia - 14/2 - 19/2/2023

- Latihan dan Perlawanan Persahabatan

Mac 2023

Singapura - 20/3 - 28/3/2023

- Merlion Cup

April 2023

Malaysia dan Cambodia - 20/4 - 15/5/2023

- SEA Games, Cambodia

Jun 2023

Malaysia - 12/6 - 20/6/2023

- Latihan dan Perlawanan Persahabatan



Ogos 2023

Malaysia dan Thailand - 14/8 - 27/8/2023

- AFF U23 Championship, Thailand.

September 2023

Malaysia dan Thailand - 28/8 - 12/9/2023

- AFC U23 Asian Cup Qualifiers, Thailand.

Oktober 2023

Malaysia - 10/10 - 15/10/2023

- Latihan dan Perlawanan Persahabatan.

November 2023

Malaysia - 13/11 - 21/11/2023



- Latihan dan Perlawanan Persahabatan.

Disember 2023

Shanghai, China - 19/12 - 27/12/2023

- Latihan dan Perlawanan Persahabatan.

Pasukan Kebangsaan Bawah 17 Tahun

Berikut adalah latihan pusat dan pertandingan yang telah berlangsung untuk Pasukan Lelaki Kebangsaan Bawah 23 Tahun;

Februari 2023

Malaysia - 01/02 - 12/2/2023

- Latihan dan Perlawanan Persahabatan

April 2023

Qatar - 9/4 - 21/4/2023

- Latihan dan Perlawanan Persahabatan

Jun 2023

Malaysia - 01/6 - 12/6/2023

- Latihan dan Perlawanan Persahabatan

Julai 2023

Thailand - 15/6 - 2/7/2023

- AFC U17 Asian Cup Championship, Thailand.

Pasukan Kebangsaan Wanita Malaysia

Berikut adalah latihan pusat dan pertandingan yang telah berlangsung untuk Pasukan Wanita Kebangsaan ;

Mac 2023

Cambodia - 6/3 - 12/3/2023

- AFC U20 women's Qualifiers.

Japan - 15/3 - 25/3/2023

- Jenesys U17 Women's Football Memorial Cup 2023.

April 2023

Malaysia dan Cambodia - 20/4 - 15/5/2023

- SEA Games, Cambodia

Thailand - 26/4 - 30/4/2023

- AFC U17 Women's Qualifiers.

Julai 2023

Palembang, Indonesia - 5/7 - 17/7/2023

- AFF Under-19 Women's Championship 2023

September 2023

Arab Saudi - 16/9 - 30/9/2023

- SAFF Women's International Friendly Tournament.

Pasukan Kebangsaan Futsal

September dan Oktober 2023

Malaysia dan Thailand - 10/9 - 5/10/2023

- Latihan dan Perlawanan Persahabatan

Oktober 2023

Uzbekistan - 2/10 - 13/10/2023

- AFC Futsal Asian Cup Qualifiers.

Bolasepak Pantai

Februari 2023

Malaysia - 18/2 - 21/2/2023

- Latihan

Mac 2023

Malaysia - 28/2 - 26/3/2023

- Latihan dan AFC Beach Soccer Asian Cup, Thailand.

19-2

Tugasan-Tugasan (Perlindungan Perubatan, Seminar Dan Kursus) Yang Telah Dilaksanakan

1. FIFA World Cup 2026 Qualifying
2. AFC Asian Cup Qualifying
3. PestaBola Merdeka 2023
4. Perlawanan Akhir Piala Malaysia 2023
5. Perlawanan Akhir Piala MFL 2023
6. Liga Wanita Nasional 2023
7. Liga Puteri Bawah 15 Tahun
8. Seminar Perubatan MFL-FAM 2023

19-3

Jemputan Untuk Memberi Ceramah Dan Taklimat

1. Taklimat Perubatan Liga Futsal Malaysia (Lelaki dan Wanita) 2023.
2. Taklimat Perubatan Piala Presiden dan Belia 2023
3. Taklimat Perubatan Al-Ikhsan Cup 2023

19-4

Seminar Dan Forum Yang Dihadiri Kakitangan Bagi Memperkasakan Pengetahuan Perubatan

1. 7th AFC Medical Conference 2023, Qatar
2. Asean+ Doping Control Officer Symposium 2023
3. Doping Control Officer Re-Accreditation 2023
4. Forum Perubatan Sukan untuk kecemerlangan Bolasepak 2023
5. Seminar Perubatan MFL-FAM 2023.
6. Sesi Libat urus Pindaan Akta Pembangunan Sukan 1997, 2023.

20. Hal Perundangan dan Kehakiman

20-1

Badan Bebas Majlis Resolusi Pertikaian Kebangsaan (NDRC)

Pada tahun 2023, Unit Undang-undang FAM telah mengadakan dua mesyuarat NDRC bagi mendengar kes-kes berkaitan tunggakan gaji daripada pemain-pemain yang beraksi di dalam Liga Malaysia.

Sebanyak 60 kes keseluruhan telah didengar dan diputuskan oleh NDRC pada tahun ini.

Mesyuarat NDRC ke-2 telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Dr. Abd. Shukor bin Ahmad bersama ahli-ahli majlis yang lain pada 6 April 2023. NDRC telah memutuskan sebanyak 34 kes pada mesyuarat ini.

Mesyuarat NDRC ke-3 pula diadakan pada 26 Julai 2023, yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Hj. Mohd Aimi Zaini bin Mohd Azhar bersama ahli-ahli majlis yang lain. NDRC telah memutuskan sebanyak 26 kes pada mesyuarat ini.

NDRC ini diwujudkan pada 31 Oktober 2022 untuk mengambil alih sebahagian daripada tugas Jawatankuasa Status dan lebih banyak tertumpu kepada isu-isu berkaitan pemain.

20-2

JAWATANKUASA TETAP

20-2-1

JAWATANKUASA STATUS

Jawatankuasa Status hanya mengadakan satu (1) mesyuarat sahaja pada tahun 2023 untuk mendengar dan memutuskan mengenai 3 kes yang difailkan oleh jurulatih kelab-kelab daripada Liga Malaysia.

Kes-kes di atas kebanyakannya adalah berkaitan isu kestabilan kontrak dan tuntutan lain-lain.

20-2-2

JAWATANKUASA UNDANG-UNDANG

Jawatankuasa Undang-undang FAM telah mengadakan dua mesyuarat pada tahun 2023, mesyuarat yang pertama telah diadakan pada bulan Februari 2023 dan yang kedua pada bulan Ogos 2023 secara dalam talian.

Mesyuarat pada bulan Februari 2023 telah membincangkan mengenai pindaan ke atas Statut FAM (Edisi 2023) dan Jawatankuasa telah meluluskan pindaan tersebut. Statut FAM (Edisi 2023) telah dibentangkan dan diluluskan di Kongres FAM ke-59 pada 1 Julai tahun yang sama.

Manakala mesyuarat pada 28 Ogos 2023 menyaksikan Jawatankuasa ini diberi penerangan oleh Unit Undang-undang mengenai bagaimana Peraturan Perantara tidak lagi digunakan dan akan digantikan dengan Peraturan Ejen Bola Sepak FAM yang telah diadaptasi daripada FIFA Football Agent Regulations selaras dengan arahan FIFA.

Cadangan ini telah dibahaskan dan disokong oleh ahli Jawatankuasa Undang-undang. Peraturan Ejen Bola Sepak FAM mula berkuatkuasa pada 1 September 2023.

20-3

BADAN KEHAKIMAN

20-3-1

JAWATANKUASA TATATERTIB

Jawatankuasa Tatatertib yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Dr. Baljit Singh a/l Balwant Singh telah bermesyuarat sebanyak lima kali pada tahun 2023 untuk mendengar dan membincangkan 26 kes-kes pelanggaran, yang termaktub di dalam Kod Tatatertib FAM atau lain-lain peraturan yang telah dilakukan oleh pemain, pegawai dan/atau kelab.

Di samping itu, Unit Undang-undang yang juga sekretariat kepada Jawatankuasa ini bertanggung jawab untuk memantau kad kuning dan kad merah yang dikeluarkan pada setiap perlawanan dan pertandingan di Liga Malaysia atau lain-lain pertandingan yang dianjurkan atau diiktiraf oleh FAM.

20-3-2

JAWATANKUASA RAYUAN

Jawatankuasa Rayuan telah bermesyuarat sebanyak empat kali pada tahun 2023 untuk membincangkan dan memutuskan 9 kes-kes rayuan yang melibatkan kes-kes tatatertib.

Mesyuarat-mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. CP (B) Dato' Sri Mohammad Mokhtar bin Mohammad Shariff dan ahli-ahli Jawatankuasa Rayuan yang lain.



20-4 FIFA FOOTBALL AGENT EXAMINATION

FIFA telah memaklumkan bahawa FIFA Football Agent Regulation akan menggantikan FIFA Intermediary Regulations (termasuk Peraturan Perantara FAM) bermula pada 9 Januari 2023.

Di bawah peraturan yang baharu, individu yang berminat untuk menjadi ejen bola sepak hendaklah mengambil peperiksaan yang dilaksanakan secara atas talian oleh FIFA dan akan dipantau dan dikawal selia oleh Unit Undang-undang FAM.

Buat julung kalinya, FIFA Football Agent Examination telah diadakan di Wisma FAM pada 19 April 2023 di mana 5 calon daripada 10 yang mengambil peperiksaan tersebut lulus.

Manakala bagi peperiksaan kali kedua yang diadakan pada 20 September 2023 hanya 2 calon daripada 19 yang mengambil peperiksaan tersebut lulus.

Bagi tahun 2024 hadapan, peperiksaan tersebut akan diadakan pada 22 Mei 2024.



20-5 FIFA'S FOOTBALL LAW ANNUAL REVIEW

Unit Undang-undang FAM juga berpeluang untuk menyertai FIFA Football Law Annual Review 2023 yang diadakan di Mexico City pada 2 dan 3 Mac 2023 secara virtual yang disediakan oleh FIFA kepada ahli-ahlinya.

Antara topik yang dibentangkan dan dibincangkan adalah:

- *FIFA Legal & Compliance Division: 2022 overview and 2023 outlook*
- *FIFA Clearing House: the regulations and practical cases since November 2022*
- *The new FIFA Football Agent Regulations*
- *The most recent football transfer system reforms: minors, private academies and the new regulations governing trials*
- *The FIFA Disciplinary Code and FIFA Code of Ethics (2022 edition): an overview of the most significant changes*
- *CAS and football in 2022*



20-6 FIFA DIPLOMA IN FOOTBALL LAW

Pada tahun 2022 FAM telah mencalonkan Encik Zainul Ariffin bin Zulkifli dari Unit Undang-undang FAM untuk menyertai FIFA Diploma in Football Law 2022/2023 (edisi ke-2). FIFA Diploma in Football Law ini bertujuan untuk menyediakan individu yang terlibat dalam bidang perundangan (bola sepak) samada ahli FIFA, liga, kelab dan pengamal undang-undang seluruh dunia dengan pengetahuan tentang aspek-aspek terbaru dan paling relevan di dalam bolasepak. Modul-modul disampaikan oleh kakitangan FIFA, pengamal undang-undang, penimbang tara CAS dan lain-lain individu yang berpengalaman.

Encik Zainul Ariffin bin Zulkifli telah berjaya memperolehi diploma beliau pada tahun 2023 dan merupakan kakitangan FAM pertama yang memiliki diploma berprestij ini.



21. Pengurusan Media dan Komunikasi

Unit Media dan Komunikasi FAM terus proaktif dalam hal penyaluran informasi rasmi Persatuan menerusi penyediaan kandungan pada platform-platform media sosial serta pengurusan operasi media bagi membantu petugas-petugas media dari pelbagai agensi dalam dan luar negara.

Di sepanjang tahun 2023 ini, unit ini telah memastikan kelancaran operasi dan pengurusan media bagi perlawanan-perlawanan antarabangsa yang diadakan di luar Lembah Klang iaitu di Johor Bahru pada Mac dan Kuala Terengganu pada Jun, selain perlawanan di Stadium Nasional, Bukit Jalil membabitkan Pestabola Merdeka 2023 pada Oktober dan perlawanan Kelayakan Piala Dunia 2026/Piala Asia 2027 pada November.

Selain itu, unit ini turut mengendalikan pengurusan media bagi kemuncak pertandingan-pertandingan domestik anjuran FAM seperti Malaysia Premier Futsal League (MPFL), Malaysia Futsal Cup (MFC), Piala Presiden dan Piala Belia, serta Liga Wanita Nasional (LWN) bagi musim 2023.

Kakitangan dari unit ini juga telah dilantik bertugas sebagai Local Media Officer (LMO) bagi dua pertandingan anjuran Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) iaitu AFC Champions League dan Piala AFC bagi musim 2023/2024 yang melibatkan perlawanan di gelanggang sendiri bagi pasukan Johor Darul Ta'zim, Sabah FC dan Terengganu FC.

Bagi memastikan liputan menyeluruh pasukan-pasukan kebangsaan yang beraksi di luar negara, kakitangan dari unit ini telah bersama pasukan sebagai Team Media Officer (TMO) untuk perlawanan dan pertandingan di luar negara, antaranya ke China dan Chinese Taipei bagi pasukan senior kebangsaan, ke Singapura, Kemboja dan China bagi skuad B-23 kebangsaan serta ke Kemboja dan Arab Saudi bagi skuad wanita kebangsaan.


Berikut adalah sebahagian statistik dan data mengenai perkembangan dan peningkatan jumlah pengikut di platform-platform media sosial rasmi FAM di sepanjang tahun 2023:



21-1 TIKTOK

Platform media sosial rasmi terbaharu FAM iaitu di TikTok @famalaysia_ ini telah dimulakan pada 23 November 2023 yang mana dalam masa sebulan saja, ia telah berjaya mengumpulkan sejumlah 10,324 followers dan mendapat 57,902 likes. Jumlah tersebut dijangka dapat terus meningkat di sepanjang tahun 2024 nanti.

Dengan perkembangan penggunaan aplikasi TikTok dalam kalangan anak-anak muda, platform ini akan digunakan oleh FAM untuk menghasilkan video-video menarik yang mana ia sekali gus cuba menarik minat generasi muda terhadap bola sepak negara.



21-2 FACEBOOK

Laman Facebook Football Association of Malaysia yang merupakan platform media sosial rasmi dengan jumlah pengikut tertinggi untuk Persatuan ini terus mencatat peningkatan jumlah followers iaitu dengan memiliki sejumlah 797,851 followers setakat Disember 2023.

Sebanyak 35,424 followers baharu dicatat dalam tempoh 12 bulan iaitu peningkatan sebanyak 4.6% berbanding 762,427 followers yang direkodkan pada Disember 2022.

Sejak dibuka pada 1 November 2012, laman Facebook rasmi FAM ini yang sudah memasuki usia 11 tahun beroperasi disasarkan untuk dapat mencapai jumlah 1 juta followers dalam tempoh beberapa tahun akan datang ini.

21-3 INSTAGRAM


Platform Instagram FA Malaysia yang memasuki tahun ketiga ia beroperasi sejak dibuka pada 3 Jun 2020 turut mencatat lonjakan peningkatan followers iaitu dengan memiliki sejumlah 347,923 followers setakat Disember 2023.

Ia peningkatan sebanyak 57,022 followers atau 19.6% berbanding sejumlah 290,901 followers yang dicatat pada Disember 2022.

Tidak mustahil peningkatan tinggi berterusan dapat dilihat dengan para penyokong atau peminat bola sepak tanah air disajikan kandungan 'ig story' eksklusif setiap kali kem latihan pusat dan perlawanan antarabangsa membabitkan skuad Harimau Malaya.



21-4 TWITTER



Biarpun tidak setinggi jumlah followers di Facebook dan Instagram FAM, akaun Twitter @FAM_Malaysia yang dibuka pada 11 Mei 2015 tetap merekodkan peningkatan positif apabila kini telah mencecah 179,433 followers pada Disember 2023.

Jumlah peningkatan adalah sebanyak 15,266 followers atau 9.3% berbanding 164,167 followers yang dicatat pada Disember 2022.

21-5 YOUTUBE



Saluran YouTube FAMTV Malaysia telah berjaya melepasi angka 100,000 subscribers pada 23 Mac 2023, sekali gus layak untuk menerima Silver Creator Award daripada pihak YouTube yang mana plat 'Silver Play Button' berkenaan telah selamat diterima di Wisma FAM, Kelana Jaya pada 10 April 2023.

Jumlah semasa subscribers bagi Saluran YouTube FAMTV Malaysia pada Disember 2023 ialah 112,816 subscribers, iaitu telah melonjak sebanyak 17,338 atau 18.2% berbanding 95,478 subscribers pada Disember 2022.

Di sepanjang tahun 2023, jumlah tontonan keseluruhan kira-kira 200 video yang dihasilkan di saluran ini telah mencecah lebih 3.3 juta tontonan.



22. Pengurusan Teknologi Maklumat dan Multimedia

22-1 FIFA CONNECT PLATFORM (FAM MYPAS) (<https://mypas.ma.services/>)

Unit Teknologi Maklumat FAM bertanggungjawab menguruskan produk FIFA Connect yang bertujuan bagi pendaftaran bersepadu dan memudahkan pertukaran maklumat yang sistematik di antara ahli gabungan bolasepak di seluruh dunia. FAM telah mula menggunakan FIFA Connect ini bermula tahun 2017 dan digunakan sehingga kini.

Ia merupakan platform atas talian bagi pendaftaran pasukan, pemain, jurulatih, pegawai pasukan, pengadil termasuk kategori amatir atau profesional. Platform ini juga berfungsi sebagai medium bagi proses yang melibatkan urusan perpindahan dan pinjaman pemain, jurulatih serta pegawai pasukan.

Sehingga Disember 2023, seramai 22,387 pemain, pegawai, pengadil dan penilai pengadil telah direkodkan di dalam sistem ini beserta FIFA ID.

Taklimat telah dijalankan dengan kerjasama badan penganjur liga (National) seperti MFL dan AFL kepada pengguna sistem yang terdiri dari pentadbir Persatuan Bolasepak Negeri (Regional) dan pentadbir kelab (Club) sebelum bermulanya liga.

Semua pasukan yang terlibat telah diberi taklimat lengkap (FAM MyPAS) seperti butiran berikut:


- 30 November 2022 - Taklimat Pasukan Malaysia Premier Futsal League(MPFL) 2023
- 13 Disember 2022 - Taklimat Pasukan Liga Malaysia 2023
- 11 Januari 2023 - Taklimat Pasukan Liga M3 2023
- 18 Februari 2023 - Taklimat Pasukan Piala Presiden & Piala Belia 2023
- 24 Mei 2023 - Taklimat Koordinator Perlawanan AI-Ikhwan Cup 2023
- 13 Julai 2023 - Taklimat Pasukan Liga Bolasepak Wanita Nasional(LWN) 2023

Unit Teknologi Maklumat FAM berperanan memberikan khidmat nasihat kepada pengguna FAM MyPAS secara berterusan demi memastikan proses pendaftaran dan proses perpindahan berjalan lancar.

Pengadil dan Penilai Pengadil juga menggunakan sistem ini bagi membuat laporan perlawanan dan sebagai rujukan.

Semua pasukan yang terlibat telah diberi taklimat lengkap semasa sesi Taklimat FAM-CMS seperti butiran berikut:

- 31 Januari 2023 - Taklimat Koordinator Perlawanan Malaysia Premier Futsal League(MPFL) 2023
- 9 Februari 2023 - Taklimat Koordinator Perlawanan & Komisioner Perlawanan Liga Malaysia 2023
- 24 Mei 2023 - Taklimat Koordinator Perlawanan AI-Ikhwan Cup 2023
- 4 Julai 2023 - Taklimat Koordinator Perlawanan Liga Bolasepak Wanita Nasional 2023



22-2 SISTEM PENGURUSAN PERLAWANAN (FAM-CMS) (<http://cms.fam.org.my>)

Platform atas talian pengurusan pertandingan bagi penganjur liga seperti FAM, MFL, AFL, MPFL dan KPM.

Platform ini berupaya mengumpulkan semua jenis laporan dalam persediaan sebelum, semasa dan selepas pertandingan seperti penghasilan Senarai Pemain dan Pegawai, laporan Ringkasan Perlawanan, laporan Komisioner Perlawanan dan sebagainya.

Menjadi rujukan kepada unit undang-undang bagi proses penggantungan perlawanan kepada pemain dan pegawai pasukan yang terlibat;



23. Pemasaran

23-1

Aktiviti Unit Pemasaran Dan Penajaan FAM – Januari 2023

AFF Mitsubishi Electric Cup 2022 telah diadakan dari 20 Disember 2022 hingga 16 Januari 2023. Pasukan Harimau Malaya turut beraksi dalam tiga perlawanan pada 24 Disember 2022, 3 Januari 2023, dan 7 Januari 2023. Unit Pemasaran & Penajaan FAM bertanggungjawab untuk kesemua perlawanan tersebut. Mereka menjemput para penaja untuk hadir ke stadium dan beberapa penaja turut membuka khemah jualan di perkarangan stadium.

Majlis Makan Malam Penghargaan Pengadil dan Pelancaran Jersi Baharu Pengadil untuk tahun 2023 telah berlangsung pada 18 Januari 2023 di Hotel Concorde, Shah Alam. Unit Pemasaran & Penajaan FAM menjemput Pengurus Besar Paragon Vest Sdn. Bhd., Encik Vincent Lai, untuk menghargai barisan pengadil Liga Malaysia 2022 serta menyaksikan pelancaran jersi terbaharu, Kronos Malaysia. Jersi terbaru ini mengekalkan warna tradisi hijau dan jingga pengadil Liga Malaysia, sambil menambah dua warna baharu iaitu fluorescent kuning dan merah jambu dengan corak yang lebih menarik.



23-2

Aktiviti Unit Pemasaran Dan Penajaan FAM – Februari 2023

Seminar League Development Programme untuk program Football for Women telah diadakan dari 4hb hingga 7hb Februari 2023 di Hotel Armada, Petaling Jaya, yang dikendalikan oleh pakar dari Kesatuan Bolasepak Eropah (UEFA). Setiausaha Agung FAM, YBhg. Datuk Noor Azman telah merasmikan program tiga hari ini yang membincangkan pelan, hala tuju, serta potensi liga bola sepak wanita di Malaysia. Pengurus Unit Pemasaran & Penajaan FAM, Cik Cassandra Devi Jeremiah, dan Eksekutif Unit Pemasaran & Penajaan FAM, Encik Ezanee Irfan, turut menyertai seminar untuk berkongsi idea dengan unit-unit FAM lain. Ahli gabungan FAM seperti wakil persatuan negeri dan kelab juga hadir.



Sambutan Majlis Kesyukuran bersempena pemilihan Presiden FAM, YBhg. Datuk Haji Hamidin Haji Mohd Amin sebagai Ahli Majlis FIFA telah diadakan pada 7hb Februari 2023 di Wisma FAM, Kelana Jaya. Unit Pemasaran dan Penajaan FAM telah menjemput semua rakan penaja dan bersikap mesra ketika majlis tersebut.

FAM bersama penaja rasmi Malaysia Premier Futsal League (MPFL) dan Malaysia Futsal Cup (MFC) 2023, Joma Malaysia, telah melancarkan barangan rasmi MPFL bagi musim 2023 pada 9hb Februari 2023. Majlis Pelancaran ini turut menyaksikan kerjasama antara FAM dan Joma Malaysia untuk tahun kelima. Majlis itu dihadiri oleh wakil dari FAM dan Joma Malaysia serta Dato' Seri John Hii KT, Pengerusi Eksekutif Joma Malaysia, Encik Wong Ngie Siing, Pengarah Urusan Joma Malaysia, dan Pengarah Pemasaran Joma Malaysia, Encik Ng Boon Yong.



Menjelang saingan Malaysia Premier Futsal League (MPFL) bagi musim 2023, Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB. Adam Adli Abd Halim, merasmikan Malaysia Premier Futsal League (MPFL) 2023 di Kompleks Sukan Negara (KSN) Panasonic, Shah Alam pada Ahad, 26hb Februari 2023. Majlis perasmian itu turut dihadiri oleh Timbalan Presiden Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM), YH. Dato' S. Sivasundaram, Naib Presiden FAM merangkap Pengerusi Jawatankuasa Futsal dan Bolasepak Pantai FAM, YBhg. Datuk Seri Haji Rosmadi Ismail, dan lain-lain.



Majlis pengumuman kerjasama strategik Projek Skuad FAM-MSN bersama Active Sports Centre telah diadakan pada 28hb Februari 2023 di Auditorium Liga Super, Wisma FAM, Kelana Jaya. Pengurus Besar PUMA Malaysia, Encik Steven Tan, dan Pengurus Active Sports Centre, Encik S. Murugeson, bersama wakil dari FAM termasuk YH. Dato' Sivasundaram a/l Sithamparam Pillai, Timbalan Presiden FAM, turut hadir.



23-3 Aktiviti Unit Pemasaran Dan Penajaan FAM – Mac 2023

Pada 4hb Mac 2023, di Hari Terbuka Putrajaya, telah diadakan Meet & Greet bersama Ketua Jurulatih Harimau Malaya, Encik Kim Pan-Gon, Penolong Jurulatih Encik Pau Marti, dan Encik E. Elavarasan di khemah jualan Bank Islam. Program ini bertujuan untuk mempromosikan kad Bank Islam Team Harimau dan beramah mesra bersama pelanggan Bank Islam, disertai oleh YBhg. Datuk Noor Azman Hj Rahman, Setiausaha Agung FAM bersama Unit Pemasaran & Penajaan FAM, Unit Media FAM, dan Unit Pengurusan Pasukan Kebangsaan FAM.



FAM bersama Milo telah menganjurkan Milo Ultimate Experience pada 15hb Mac 2023 di Wisma FAM, Kelana Jaya, bertujuan memberi pendedahan mengenai bola sepak dan pentadbiran bola sepak kepada generasi muda. Program ini dihadiri oleh 79 peserta terpilih, termasuk kanak-kanak perempuan berusia 9 hingga 18 tahun. Majlis Perasmian Piala Presiden dan Piala Belia 2023 telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB. Adam Adli Abd Halim pada 16hb Mac 2023 di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, Cheras, di mana Unit Pemasaran & Penajaan FAM memastikan logo-logo penaja terpapar di pelbagai tempat perlawanan mengikut kontrak sedia ada.



Pada bulan Mac 2023, pasukan Harimau Malaya telah beraksi dalam dua perlawanan persahabatan di Stadium Sultan Ibrahim, Gelang Patah, menentang Turkmenistan pada 23hb Mac 2023 dan Hong Kong pada 28hb Mac 2023. Unit Pemasaran & Penajaan FAM bertanggungjawab untuk kedua-dua perlawanan tersebut, menjemput para penaja untuk hadir di stadium dan memastikan logo-logo penaja terpapar di pelbagai tempat perlawanan. Antara penaja yang terlibat adalah Sanctband Active dan Little Joe.



23-4 Aktiviti Unit Pemasaran Dan Penajaan FAM – April 2023

Pada 7hb April 2023, FAM telah mengadakan Majlis Berbuka Puasa dan solat tarawih di Wisma FAM, Kelana Jaya, sempena bulan Ramadan 2023. Unit Pemasaran dan Penajaan FAM telah menjemput penaja-penaja FAM yang beragama Islam untuk turut serta. Antara penaja yang hadir termasuk Bank Islam Malaysia Berhad, Malaysia Airlines, Fraser & Neave (F&N), dan lain-lain.

Pada 13hb April 2023, FAM telah mengadakan sesi photoshoot untuk koleksi Baju Melayu Al-Ikhsan Sports bersama barisan kejurulatihan Harimau Malaya di Wisma FAM, Kelana Jaya, sebagai tujuan promosi bagi koleksi terbaru Al-Ikhsan Sports.



23-4 Aktiviti Unit Pemasaran Dan Penajaan FAM – Mei 2023

Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2023 FAM-MFL-AFL telah diadakan pada 18hb Mei 2023 di Wisma FAM, Kelana Jaya. Unit Pemasaran dan Penajaan FAM telah menjemput semua rakan penaja dan beramah mesra ketika majlis tersebut. Selain itu, rakan penaja FAM seperti Telekom Malaysia (TM) dan Bank Islam juga telah mengadakan majlis rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri. Telekom Malaysia (TM) mengadakan rumah terbuka pada 11hb Mei 2023 di Kampus TM, Cyberjaya, manakala Bank Islam mengadakan "Sepetang Raya bersama Bank Islam" pada 22hb Mei 2023 di Grand Hyatt, Kuala Lumpur. Majlis-majlis tersebut turut dihadiri oleh wakil-wakil FAM yang penting.



23-5 Aktiviti Unit Pemasaran Dan Penajaan FAM – Jun 2023

Pada 6hb Jun 2023, FAM mengumumkan kerjasama dengan Extra Joss di Bilik Auditorium, Wisma FAM, Kelana Jaya, disempurnakan oleh wakil-wakil penting dari kedua-dua pihak. Pada 7hb Jun 2023, FAM juga mengumumkan kerjasama dengan Bank Islam di Hotel EQ, Kuala Lumpur, serta dengan Telekom Malaysia pada 9hb Jun 2023 di Wisma FAM, Kelana Jaya.



Pada 14hb Jun 2023, Majlis pelancaran kerjasama baru antara FAM dan Wonda Coffee telah dilangsungkan di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, sebelum perlawanan persahabatan. Sebelum ini, dua perlawanan persahabatan telah diadakan pada bulan Jun 2023 di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, di mana Unit Pemasaran & Penajaan FAM bertugas. Selain itu, serangkaian aktiviti "Meet & Greet" serta sesi penggambaran telah dijalankan bersama pemain-pemain Harimau Malaya dengan rakan-rakan penaja seperti Wonda Coffee, Bank Islam, dan Marco Caterpillar, serta dengan MAGB untuk mempromosikan kerjasama dan produk-produk terbaru.



Sejurus tamat perlawanan persahabatan antara Malaysia dan Solomon Island pada 14hb Jun 2023, pemain pasukan Harimau Malaya memberikan penonton jersi edisi terhad hasil kerjasama FAM dan Wonda Coffee. Unit Pemasaran & Penajaan FAM juga menganjurkan sesi "Meet & Greet" bersama pemain Harimau Malaya di Mydin Kuala Terengganu pada 17hb Jun 2023 dan di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, Gong Badak, Terengganu pada 18hb Jun 2023. Terdapat juga sesi temubual dengan pemain-pemain Harimau Malaya di Hotel Primula Terengganu pada 19hb Jun 2023. Semua aktiviti ini bertujuan untuk memperkuat hubungan antara pemain dan peminat serta mempromosikan kerjasama dengan rakan penaja.



23-6 Aktiviti Unit Pemasaran Dan Penajaan FAM – Julai 2023

Kongres Tahunan FAM ke-59 telah berlangsung pada 1hb Julai 2023 di Hotel Hilton Petaling Jaya. Unit Pemasaran & Penajaan FAM telah menghantar surat kepada semua penaja FAM untuk sumbangan 'goodies' bagi Kongres tersebut, yang disokong oleh penaja seperti Bank Islam, Malaysia Airlines, Telekom Malaysia, dan lain-lain. Kehadiran pihak penaja seperti Bank Islam, Malaysia Airlines, F&N, dan lain-lain, turut menyeronokkan acara tersebut.



Pada hari yang sama, selepas Kongres Tahunan FAM, majlis pengumuman kerjasama strategik FAM bersama Malaysia Airlines dan MAGB telah diadakan di Hotel Hilton Petaling Jaya. Majlis tersebut disempurnakan oleh wakil-wakil utama dari kedua-dua pihak serta YBhg. Datuk Haji Hamidin Bin Haji Mohd Amin; Presiden FAM dan YBhg. Datuk Noor Azman Bin Haji Rahman; Setiausaha Agung FAM.

Taklimat Pasukan & Local General Coordinator bagi Liga Wanita Nasional (LWN) 2023 telah diadakan di Wisma FAM, Kelana Jaya pada 3hb dan 4hb Julai 2023. Pembentangan garis panduan pemasaran bagi musim 2023 telah disampaikan oleh Pengurus Unit Pemasaran & Penajaan FAM, Cik Cassandra Devi Jeremiah.



23-7 Aktiviti Unit Pemasaran Dan Penajaan FAM – Ogos 2023

Majlis penutup Malaysia Premier Futsal League (MPFL) 2023 berlangsung pada 5 Ogos 2023 di Stadium Tertutup Pasir Gudang, Johor, dengan kehadiran wakil-wakil penaja seperti Encik Raymond Ng dari Ganador Marketing Sdn. Bhd. dan Encik Masmunir Md Sirat dari F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd. Unit Pemasaran dan Penajaan memastikan segala urusan penjenamaan dan siaran langsung berjalan lancar.



Majlis pelancaran kerjasama baru antara FAM dan Marco Caterpillar diadakan pada 7hb Ogos 2023 di Wisma FAM, Kelana Jaya. Pada majlis itu, jam baru edisi terhad CAT X Harimau Malaya diserahkan kepada wakil FAM oleh pengarah eksekutif dan pengurus operasi Marco Caterpillar. Majlis tersebut turut dihadiri oleh ahli Jawatankuasa Eksekutif FAM.



Majlis Pelancaran Pestabola Merdeka Kuala Lumpur 2023 Edisi Ke-42 berlangsung pada 31hb Ogos 2023 di Cawangan AEON BiG Wangsa Maju, Kuala Lumpur. Penaja seperti Bank Islam, KIA, Wonda Coffee, Extra Joss, dan Marco Caterpillar turut hadir dalam majlis tersebut. Majlis tersebut disempurnakan oleh wakil AEON BiG bersama dengan YBhg. Datuk Haji Hamidin Bin Haji Mohd Amin dan YBhg. Datuk Noor Azman Bin Haji Rahman dari FAM. Unit Pemasaran & Penajaan FAM bersama rakan penaja AEON BiG juga menganjurkan sesi "Meet & Greet" bersama pemain Harimau Malaya dan pemain legenda Pestabola Merdeka.

23-8 Aktiviti Unit Pemasaran Dan Penajaan FAM – September 2023

Majlis penutup Malaysia Futsal Cup (MFC) 2023 berlangsung pada 10 September 2023 di Stadium Tertutup Malawati, Shah Alam, dengan kehadiran wakil penaja seperti Encik David Wong dari Joma Malaysia. Unit Pemasaran dan Penajaan memastikan segala barangan penjenamaan dan urusan siaran langsung berjalan lancar.



Perlawanan Akhir Piala Belia 2023 berlangsung pada 17hb September 2023 di Stadium UiTM Shah Alam, disempurnakan oleh YBhg. Datuk Haji Hamidin Bin Haji Mohd Amin, Presiden FAM, dan ahli Jawatankuasa Eksekutif FAM. Unit Pemasaran & Penajaan FAM juga memastikan logo-logo penaja terselrah pada papan "Mixed Zone", "Flash Interview", "Press Conference", dan "Perimeter Boards".

Unit Pemasaran & Penajaan FAM bersama Bank Islam mengadakan sesi "Meet & Greet" bersama ketua jurulatih pasukan kebangsaan Harimau Malaya, Kim Pan Gon, pada 23hb September 2023 di Kompleks Futsal Presint 18, Putrajaya, sempena Karnival Komuniti dan Pesta Air Putrajaya 2023.



23-9 Aktiviti Unit Pemasaran Dan Penajaan FAM– Oktober 2023

Perlawanan Akhir 2 Piala Presiden 2023 berlangsung pada 1 Oktober 2023 di Stadium Majlis Bandaraya Pasir Gudang, Johor, dengan JDT III menentang Negeri Sembilan FC. Unit Pemasaran & Penajaan memastikan segala barangan penjenamaan di stadium dan logo-logo penaja hadir pada "Mixed Zone", "Flash Interview", dan "Press Conference".



Sesi Latihan Rasmi skuad Harimau Malaya di Wisma FAM, Kelana Jaya, bagi Persiapan Pestabola Merdeka 2023 dilaksanakan dari 6 hingga 17 Oktober 2023. Unit Pemasaran & Penajaan juga memastikan logo penaja terpapar pada papan statik perimeter dan peralatan penaja seperti Sanctband Active tersedia.

Sesi sidang media menjelang Pestabola Merdeka 2023 dihadiri oleh ketua jurulatih Harimau Malaya, pemain, dan jurulatih India. Selepas sidang media, Wonda Coffee melancarkan tin edisi terhad Harimau Malaya. Majlis disempurnakan oleh Naib Presiden Pemasaran Wonda Coffee, Timbalan Presiden FAM, dan Setiausaha Agung FAM.



Mesyuarat Jawatankuasa Pemasaran dan Penajaan FAM keenam berlangsung pada 19 Oktober 2023 di Wisma FAM, dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Shahril Mokhtar. Agenda termasuk status penajaan dan aktiviti unit pemasaran dan penajaan FAM.

Dua perlawanan Pestabola Merdeka antara Malaysia-India dan kemungkinan menentang Tajikistan telah diadakan pada Oktober 2023. Unit Pemasaran & Penajaan FAM memastikan logo penaja hadir pada perlawanan dan melaksanakan aktiviti promosi seperti "Stadium Tour" oleh Bank Islam dan "Kopi Ikat Tepi" oleh Wonda Coffee.



23-10 Aktiviti Unit Pemasaran Dan Penajaan FAM – November 2023

Majlis Penyampaian Hadiah Liga Wanita Nasional (LWN) 2023 di Stadium UiTM Shah Alam pada 4 November 2023 disempurnakan oleh Dato' Suraya Yaacob dan Dr. Siti Faidul Maisarah Abdullah. Unit Pemasaran & Penajaan memastikan logo penaja hadir pada "Flash Interview" dan pentas penyampaian hadiah.



Majlis Pelancaran Fasa Kedua Peta Hala Tuju F:30 FAM di Hotel Dorsett Grand Subang pada 11 November 2023 disempurnakan oleh Datuk Haji Hamidin Haji Mohd Amin. Kehadiran pihak penaja menyerikan majlis ini, dengan bunting penyumbang penaja dipamerkan. Antara pihak penaja yang hadir adalah Bank Islam, Malaysia Airlines Group Berhad, AEON BiG, Al-Ikhsan, Marco Caterpillar, Joma, Active Sports PUMA, dan Perhilitan.



Unit Pemasaran & Penajaan FAM bersama Bank Islam melaksanakan sesi "Meet & Greet" di AEON Shah Alam pada 12 November 2023 bersama pemain Harimau Malaysia.



Sesi sidang media menjelang perlawanan pertama Kumpulan D, Kelayakan Piala Dunia 2026/Piala Asia 2027 antara Malaysia dan Republik Kyrgyz dihadiri oleh ketua jurulatih dan pemain dari kedua pasukan. Unit Pemasaran dan Penajaan memastikan logo penaja hadir pada "Flash Interview" dan pentas penyampaian hadiah. Perlawanan pertama Kumpulan D, Kelayakan Piala Dunia 2026/Piala Asia 2027 berlangsung pada 16 November 2023 di Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Unit Pemasaran dan Penajaan FAM menjemput para penaja untuk menghadiri perlawanan dan memastikan logo penaja terpapar pada pelbagai bahagian stadium. Sejurus tamat perlawanan, Malaysia Airlines melaksanakan "activation" Man of The Match.




23-11 Aktiviti Unit Pemasaran Dan Penajaan FAM – Disember 2023

Pada 28hb Disember 2023, Majlis pengumuman kerjasama strategik baru diantara Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan Grab Malaysia telah diadakan di Auditorium Liga Super, Wisma FAM, Kelana Jaya. Majlis ini disempurnakan oleh Encik Tan Jiong Jian, Pengarah Komersial dan Penghantaran Grab Malaysia, Encik Rashid Shukor, Pengarah Operasi dan Mobiliti Grab Malaysia, YBhg. Dato' S. Sivasundaram, Timbalan Presiden FAM, dan YBhg. Datuk Noor Azman Bin Hj Rahman, Setiausaha Agung FAM. Turut hadir adalah Ahli Jawatankuasa Eksekutif FAM dan Ahli Jawatankuasa Pemasaran & Penajaan FAM. Para pemain Pasukan Bola Sepak Kebangsaan seperti Afiq Fazail, Daniel Ting, dan Romel Morales turut menghadiri majlis tersebut.

Unit Pemasaran & Penajaan FAM bersama enam (6) rakan penaja telah melaksanakan pengaktifan penaja secara serentak bersama dengan pemain Harimau Malaya di tempat yang berbeza pada 28hb Disember 2023. Sesi rakaman video di Hotel Le Méridien, Petaling Jaya, bertujuan untuk mempromosikan Kad Debit-i Bank Islam Visa Team Harimau dengan melibatkan beberapa pemain seperti Arif Aiman, Paulo Josue, dan Matthew Davies.

Selain itu, Unit Pemasaran & Penajaan FAM bersama Rakan Penaja Teknologi Rasmi, TM Technology Services Sdn. Bhd., menjalankan sesi rakaman video

untuk tiga (3) kandungan video TikTok bersama tiga pemain Harimau Malaya iaitu Syihan Hazmi, Akhyar Rashid, dan Stuart Wilkin di Padang Latihan Turf FAM, Wisma FAM, Kelana Jaya. Sesi rakaman video "Teku Sayur" bersama AEON BiG (M) Sdn. Bhd. di Hotel Le Méridien, Petaling Jaya, melibatkan pemain seperti Azri Ghani, Mohamadou Sumareh, Khuzaimi Piee, Syamer Kutty Abba, Dominic Tan, dan Syahmi Safari.



Terakhir, Unit Pemasaran & Penajaan FAM bersama Extra Joss telah melakukan sesi rakaman "TVC" di Arena Futsal, Wisma FAM, Kelana Jaya, sebagai sokongan bagi kempen AFC Asian Cup Qatar 2023. Pemain-pemain seperti Safawi Rasid, Faisal Halim, Brendan Gan, Junior Eldstal, dan Sikh Izhan turut terlibat. Sesuatu yang serupa juga dilakukan bersama Al-Ikhsan Sports dalam penggambaran barangan merchandise keluaran terbaru mereka dengan kerjasama FAM, melibatkan Darren Lok dan Natxo Insa. Sesi pengaktifan penaja terakhir dijalankan bersama Rakan Penaja Jam Tangan Rasmi FAM, Marco Worldwide Sdn. Bhd. (Caterpillar), melibatkan pemain Harimau Malaya seperti Arif Aiman, Azri Ghani, dan Paulo Josue di Hotel Le Méridien, Petaling Jaya.



24. Pembangunan Teknikal

Tahun 2023 merupakan satu lagi tahun yang besar buat Jabatan Teknikal FAM.

Liga SupaRimau mempamerkan satu lagi tahun yang berjaya dengan tiga musim (musim A, B dan C) ditambah Grand Finals yang berlangsung pada 16 dan 17 Disember.

Lebih 50 Kursus Kejurulatihan Akar Umbi telah dijalankan sepanjang tahun 2023. Ini bermaksud kita mempunyai 1500 lagi jurulatih akar umbi di Malaysia.

FAM dengan sukacitanya telah berdaftar untuk menjadi sebahagian daripada program 'FIFA Football 4 Schools'. Sebagai sebahagian daripada projek perintis itu, FAM dengan kerjasama KPM, telah menjemput 150 sekolah untuk mengambil bahagian. Kami telah menjalankan dua Kursus Pembinaan Kapasiti Master Trainer untuk membantu melatih guru-guru di sekolah-sekolah yang terpilih. Di samping menyediakan semua guru dengan Aplikasi 'FIFA Football 4 Schools' (yang akan membantu memberikan sokongan dan sesi latihan untuk guru-guru) FIFA juga telah menyediakan lebih daripada 23,000 bola sepak Adidas untuk digunakan dalam program ini.

FAM turut mengadakan Kursus Pencarian Bakat pada awal tahun ini bagi membantu melatih pencari bakat dalam mengenalpasti pemain-pemain baru dan seterusnya menggunakan khidmat mereka untuk membantu memantau dan mengenal pasti pemain-pemain berbakat yang beraksi di Liga SupaRimau.

Pembangunan Belia: Jabatan Pembangunan Belia telah bekerjasama rapat dengan Akar Umbi dan Pendidikan Jurulatih tahun ini.

Selain menyokong Kursus Pencarian Bakat pada awal tahun ini, Unit Pembangunan Belia turut mengadakan dua Kursus Ulangkaji atau 'Refresher' untuk jurulatih Pusat Latihan Daerah NFD di Bukit Jalil dan Pahang. Razip (ahli Panel Belia AFC) juga telah mengetuai 'Analisis Bola Sepak Amatur FIFA', yang melibatkan FIFA menjalankan analisis bola sepak amatur di Malaysia.

Unit Wanita: Ia merupakan tahun yang padat dengan aktiviti bagi Unit Wanita. Kedua-dua pasukan kebangsaan wanita B17 dan U20 mengambil bahagian dalam kelayakan AFC. Malangnya, kedua-dua pasukan tidak layak.

Pasukan U17 Wanita juga mengambil bahagian dalam Program Pertukaran Jenesys di Jepun.

Pasukan senior kebangsaan wanita menentang dua pasukan (Vietnam dan Filipina) yang layak ke Piala Dunia Wanita FIFA, di Sukan SEA di Kemboja. Pasukan ini menunjukkan prestasi yang baik terhadap pasukan lawan yang lebih kuat dan lebih bersedia. Pasukan senior juga mengambil bahagian dalam kejohanan jemputan di Arab Saudi dan menduduki tempat ke-3.

Apa yang penting, bagi bola sepak wanita di Malaysia, Liga Wanita Kebangsaan (LWN) telah menjalankan sebuah liga 'home' dan 'away' buat kali pertama pada 2023. Enam pasukan mengambil bahagian, dengan Sabah menamatkan saingan sebagai pemenang tipis untuk musim ini.

Tahun ini telah berakhir dengan liga pertama dinamakan Liga Puteri B15 atau "U15 Puteri League", yang diadakan di Sime Darby pada bulan Disember. Lapan pasukan dibahagikan kepada dua kumpulan, dengan dua pasukan teratas bermain di separuh akhir dan pemenang akan ke Pusingan Akhir.

Pendidikan Jurulatih: Salah satu acara kemuncak tahun ini ialah FAM dianugerahkan Keahlian Diploma Profesional oleh Konvensyen Kejurulatihan AFC. Ini adalah pengiktirafan ke atas komitmen FAM dalam membangunkan program pendidikan jurulatih secara menyeluruh. FAM merupakan salah satu

daripada 13 ahli persatuan di bawah Konfederasi Bolasepak Asia (AFC) yang diiktiraf sebagai ahli Diploma Profesional.

FAM turut menamatkan satu lagi Kursus Diploma Profesional bagi tahun 2023. Sebagai tambahan kepada banyak Kursus GK, D, C, B dan A Diploma yang dijalankan sepanjang tahun, FAM juga menjalankan dua kursus Train the Trainers' untuk pendidik jurulatih.

Lima daripada pendidik jurulatih mengambil bahagian dalam Kursus Laluan Pembangunan Pendidik Jurulatih FIFA atau "FIFA Coach Educator's Development Pathway Course" pada separuh akhir 2023.

Unit Prestasi Tinggi: Unit Prestasi Tinggi (HPU) telah meningkatkan penglibatannya dalam semua aspek permainan pada tahun 2023.

Bukan sahaja menjadi staf sokongan untuk pasukan kebangsaan B17 dan B23 dalam kem Latihan dan pertandingan masing-masing, unit ini juga banyak terlibat dalam pengisian "Strength & Conditioning" semua kursus kejurulatihan FAM sepanjang tahun dari Diploma Profesional hingga Kursus Kejurulatihan Penjaga Gol. Unit ini juga telah mengadakan Kursus Kejurulatihan Kecergasan AFC Tahap 1B pada tahun ini.

Di samping itu, HPU telah mencipta sumber rangkaian data untuk menyokong kelab profesional dengan membuat video ujian kecergasan, serta menawarkan mereka rancangan Data dan Statistik.

HPU juga telah bekerjasama dengan ISN untuk menjalankan Kursus Analisis Prestasi FAM/ISN yang pertama serta Kursus Kecergasan Belia untuk MSN.

Secara kesimpulan, tahun 2023 merupakan sangat padat dan juga sangat bermanfaat untuk kakitangan Jabatan Teknikal. Untuk 2024, kami akan berusaha untuk meningkatkan lagi taraf bola sepak Malaysia.



24-1 Unit Pendidikan Kejurulatihan

Kursus Kejurulatihan Profesional Diploma AFC/FAM Edisi 1 (2019)

Penilaian Semula ('Reassessment')

- Dato' Dollah bin Salleh, Dato' Zainal Abidin bin Hassan & Balachandran Sithamparam
- Scott O'donnell sebagai Instruktur Utama
- Lim Kim Chon sebagai Penolong Instruktur

Kursus Kejurulatihan Profesional Diploma AFC/FAM Edisi 2 (2022 – 2023)

Modul III ('Foreign Attachment')

- Tarikh: 5 – 26 Februari 2023
- Tempat: Osijek, Croatia & Budapest, Hungary
- Peserta: 19 jurulatih
- Scott O'donnell sebagai pemerhati selama 10 hari sahaja
- Lim Kim Chon sebagai Instruktur Utama
- Mohamed Razip dan Reuben Jude sebagai Penolong Instruktur
- Idham Anuar sebagai Koordinator

Modul VI (Pembentangan Tesis, Penilaian Praktikal & Pemeriksaan Lisan)

- Tarikh: 9 Mac – 29 Ogos 2023
- Lim Kim Chon sebagai Instruktur Utama
- Scott O'donnell dan Mohamed Razip sebagai Penolong Instruktur
- Jumlah 10 peserta yang telah lulus daripada 20 peserta

**Jumlah jurulatih yang mempunyai Sijil Profesional Diploma seramai 22 jurulatih*

Kursus Kejurulatihan Diploma 'A' AFC/FAM Anjuran Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM)

Tarikh: 24 Julai – 10 Ogos 2023 (Fasa I)

23 November – 27 Disember 2023 (Fasa II)

Tempat: Majlis Sukan Negeri (MSN), Terengganu

Jumlah Peserta: 26 peserta

- Lim Kim Chon sebagai Instruktur Utama
- Mohamed Razip dan Richard Sinapan sebagai Penolong Instruktur
- Fasa II dilakukan secara 'Club Visit' Sabah/Sarawak (Kota Kinabalu, Sabah), Utara (Pulau Pinang), Pantai Timur (Gambang, Pahang) dan Klang Valley

Kursus Kejurulatihan Diploma 'A' AFC/FAM Anjuran Persatuan Bolasepak Negeri Sarawak (FAS)

Tarikh: 18 September – 6 Oktober 2023 (Fasa I)

19 Februari – 2 Mac 2024 (Fasa II)

Tempat: Stadium Sarawak, Petra Jaya, Kuching

Jumlah Peserta: 23 peserta

- Lim Kim Chon sebagai Instruktur Utama
- Wan Jamak Wan Hassan sebagai Penolong Instruktur
- Fasa II dilakukan secara 'Club Visit' dan akan dilakukan di Sarawak sahaja

**Jumlah peserta bagi Kursus Kejurulatihan Diploma 'A' AFC/FAM seramai 49 peserta*



Kursus Kejurulatihan Diploma 'B' AFC/FAM

- Kursus Kejurulatihan Diploma 'B' AFC/FAM sehingga 31 Disember 2023: 4 kursus (Pahang, PBMM), (Terengganu, PJBM), (Negeri Sembilan, PBNS = 2 kursus)
- Jumlah kursus yang dimohon sepanjang tahun = 4 kursus
- Setiap kursus melibatkan seramai 24 peserta
- 4 kursus = 96 peserta
- Seramai 39 peserta yang lulus setakat 13 Disember 2023

Kursus Kejurulatihan 'Refresher' Diploma 'B' AFC/FAM Anjuran Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM)

Tarikh: 2 – 16 Julai 2023

Tempat: Majlis Sukan Negeri (MSN), Terengganu

Jumlah Peserta: 17 Pendidik Jurulatih

- Lim Kim Chon sebagai Instruktur Utama
- Bertujuan untuk memberi pencerahan kepada pendidik jurulatih serta perkongsian modul untuk diselaraskan ke dalam Kursus Kejurulatihan Diploma 'B'
- Muhammad Atiq bin Jumali dan Rusydi bin Dollah sebagai Koordinator

Kursus Kejurulatihan Diploma 'C' AFC/FAM

- Kursus Kejurulatihan Diploma 'C' AFC/FAM sehingga 31 Disember 2023: 4 kursus (UKM Bangi, PJBM/PFAM), (Johor, Johor FA), (Selangor, FAS = 2 kursus)
- Jumlah kursus yang dimohon sepanjang tahun = 6 kursus
- Setiap kursus melibatkan seramai 24 peserta
- 4 kursus = 96 peserta
- Seramai 71 peserta yang lulus setakat 13 Disember 2023

Kursus Kejurulatihan Pilot 'C' AFC/FAM Anjuran Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM)

Tarikh: 6 – 20 Jun 2023

Tempat Penginapan: Hotel Mercure, Shah Alam, Selangor

Tempat Praktikal: Radia Arena, Bukit Jelutong, Shah Alam

Jumlah Peserta: 28 Pendidik Jurulatih

- Lim Kim Chon sebagai Instruktur Utama
- Bertujuan untuk memberi pencerahan kepada pendidik jurulatih serta perkongsian modul untuk diselaraskan ke dalam Kursus Kejurulatihan FAM 'D' dan Diploma 'C'
- Muhammad Atiq bin Jumali sebagai Koordinator

Kursus Kejurulatihan FAM 'D'

- Kursus Kejurulatihan FAM 'D' sehingga 31 Disember 2023: 32 kursus
- Jumlah kursus yang dimohon sepanjang tahun = 32 kursus
- Setiap kursus melibatkan seramai 26 peserta
- 32 kursus = 832 peserta
- Seramai 728 peserta yang lulus setakat 13 Disember 2023



Kursus Kejurulatihan 'Train The Trainers' Anjuran Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM)

Tarikh: 15 – 28 Oktober 2023

Tempat Penginapan: Casa 4, MSN Bukit Jalil

Tempat Praktikal: Padang Pavilion, MSN Bukit Jalil

Jumlah Peserta: 16 peserta

- Lim Kim Chon sebagai Instruktur Utama
- Mohamed Razip, Richard Sinapan, Ishak Kunju, Abdul Ghani Malek, Ganasamurthy dan Hassan Sazali sebagai Penolong Instruktur
- Bertujuan untuk mencari pendidik jurulatih yang baharu untuk mengendalikan Kursus Kejurulatihan Bola sepak yang akan datang
- Muhammad Atiq bin Jumali dan Farah Dhiba sebagai Koordinator
- Seramai 12 peserta sahaja yang telah lulus dan akan dilantik sebagai pendidik jurulatih pada Kursus Kejurulatihan Bolasepak yang akan datang



Kursus Kejurulatihan Penjaga Gol Diploma 'C' Anjuran Persatuan Bolasepak Angkatan Tentera Malaysia (PBATM)

Tarikh: 2 – 10 Oktober 2023

Tempat: MINDEF Stadium, Jalan Semarak, Kuala Lumpur

Jumlah Peserta: 18 peserta

- Mohd Hamsani Ahmad sebagai Instruktur Utama
- Sani Anuar Kamsani sebagai Penolong Instruktur
